# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABEL AS **2011**

## Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab Dalam Dewan Rakyat Daripada Kementerian

## HARIISNIN : 14 MARCH 2011

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

# KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LIS AN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALANNO. 11 HINGGA 72)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10

[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]

**SIDEKSANI**
**CAWANGAN PERUNDANGAN PARLIMEN MALAYSIA**

**SOALAN (^5 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 14 MAC 2011 (ISNIN)

• DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

[SETIU]

**SOALAN**

**Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]** mintd **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rumah mampu milik yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mengikut pecahan negeri dalam tempoh tiga tahun lalu dan sehingga kini dan apakah status keperluan rumah untuk rakyat sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9); sebanyak 110,835 unit rumah mampu milik l Syarikat Perumahan Negara Berhad (PNB) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) ] telah siap dibina di seluruh

negara.

Bagi tempoh tiga tahun yang lalu (2008-2010), 58,119 unit rumah mampu milik telah dibina di seluruh negara dan pecahan mengikut negeri seperti di Lampiran.

Kerajaan menjangkakan keperluan perumahan sepanjang tempoh Rancangan Malaysia kesepuluh (RMKe-10) (2011-2015) adalah sebanyak 716,000 unit rumah bagi semua kategori rumah di seluruh negara.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARI PAD A : Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN
(PADANG SERAI)

TARIKH : 14.03.2011

SOALAN:

**Soalan No : 12**

Y.B. TUAN GOBALAKRISHAN A/L NAGAPAN [ PADANG SERAI ] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan Sekolah Tamil Paya Besar Lunas akan dimulakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah meluluskan pembinaan SJKT Paya Besar, Lunas, Kedah melalui Projek Dua Tahun Pertama RMKe-10 (*1$^{st}$ Rolling Plan)* dengan siting sebanyak RM8.61 juta. Projek ini akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), manakala pembinaan akan dimulakan pada tahun ini setelah semua urusan berkaitan proses reka bentuk dan proses tender selesai dilaksanakan.

Rjm 12

SOALAN NO.:

PEMBER1TAHUAN PERTANYAAN PEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A : Y.B. DATUK HA] I ABDUL WAHAB

BIN HA] I DOLAH

KAWASAN : IGAN

TARIKH : 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. DATUK HA]I ABDUL WAHAB BIN HA]I DOLAH (IGAN) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan adakah Kementerian akan meluluskan peruntukan bagi pembinaan Jambatan Kuala Igan. Jambatan ini nanti pasti akan memberi impak yang besar kepada penduduk setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Pembinaan Jambatan Sungai Igan di Kuala Igan, Sarawak merupakan antara projek yang telah diluluskan dalam RMKe-10 di Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diluluskan dalam RMKe-10 ini adalah untuk mereka bentuk jambatan dan melaksanakan kerja-kerja awalan sahaja. Skop pembinaan jambatan ini ialah membina sebuah jambatan konkrit sepanjang 1.5 kilometer termasuk jalan tuju merentasi di atas Sungai Igan di jalan Matu/ Igan/ Oya, Sarawak. Anggaran kos projek ialah sebanyak RM168 juta, tidak termasuk kos pengambilan balik tanah.

Pada masa kini proses reka bentuk jambatan berkenaan telah mencapai kemajuan 90% dan ia dijangka akan siap sepenuhnya selewat-lewatnya sebelum bulan Jun 2011. Sehubungan itu, kementerian ini akan berusaha dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk berbincang dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan pelaksanaan projek ini diluluskan dalam Tempoh Separuh Kedua RMKe-10 kelak.

Sekian. Terima kasih.

SJ.B/(17)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH 14.03.2011

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan jumlah kutipan saman PDRM dan JPJ yang dikutip dari pesalah jalan raya bagi tempoh 2008 hingga 2010 dan apakah hasil tersebut terkandung dalam bajet yang dibentangkan Perdana Menteri setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan saman yang dikutip oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) daripada pesalah jalan raya dari tahun 2008 hingga 2010 adalah sebanyak RM1.354 juta. Daripada jumlah ini, RM1,158 juta adalah bayaran saman yang dikutip oleh PDRM dan RM196 juta yang dikutip oleh JPJ.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan saman ini dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan dan terkandung dalam bajet yang dibentangkan oleh Perdana Menteri setiap tahun.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA** **SOALAN NO : 15**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATUKSAPAWI BIN HAJI AHMAD (SIPITANG)**

**TARIKH** : **14 MAC 2011** **(ISNIN)**

**SOALAN** :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan peruntukan projek bekalan air bersih seluruh Sabah dan status projek bekalan air ke mukim Sindumin-Melalia-Weston di Parlimen P.178 Sipitang.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Tahun 2011 dan 2012, Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Negeri Sabah telah diperuntukkan sebanyak RM1.34 bilion. Bagi Projek Sistem Bekalan Air Ke Mukim Sindumin, Mukim Melalia dan Mukim Weston di Parlimen Sipitang, status terkini projek tersebut adalah diperingkat penyediaan rekabentuk terperinci dan penentuan spesifikasi bersama dengan pihak Jabatan Air Negeri Sabah (JANS). Projek ini dijangka dilaksanakan selewat-lewatnya pada bulan Jun 2011.

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** **DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]**

**TARIKH** **14 MAC 2011**

**SOALAN**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit barah di daerah Manjung dan adakah ia lebih tinggi jika dibandingkan dengan daerah-daerah lain. Apakah

**SOALAN NO: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

sebab-sebab tertentu yang menyebabkan kes barah sering berlaku di daerah Manjung.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Barah atau kanser adalah merupakan salah satu dari sepuluh penyebab utama kemasukkan pesakit di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan penyebab kematian ketiga terpenting yang berlaku di hospital-hospital berkenaan.

Sejak Januari 2007 hingga Disember 2010, seramai 585 kes kanser dari Daerah manjung telah dilapor dan didaftarkan di Registri Kanser

Perak dan juga Registri Kanser Kebangsaan. Dari jumlah ini, 260 kes (44.4%) adalah lelaki dan 325 kes (55.6%) adalah wanita.

Jumlah kes yang dilapor dan didaftarkan dari Daerah Manjung lebih rendah berbanding dengan kes-kes yang dilapor dan didaftarkan dari Daerah Kinta dan Daerah Larut, Matang, Selama. Walaubagaimana pun, ia adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kes-kes dari daerah-daerah lain di Perak.

Tiga jenis kanser yang paling kerap dikesan dikalangan lelaki Daerah Manjung ialah kanser paru-paru, usus besar dan nasofarink, manakala di kalangan wanita pula ialah kanser payudara, usus besar dan kanser servik.

Faktor risiko kepada berlakunya kes-kes kanser di Daerah Manjung adalah serupa dengan tempat-tempat lain di Malaysia. Faktor risiko yang paling penting dikaitkan dengan kejadian kanser iaitu amalan gayahidup yang tidak sihat seperti merokok, tidak aktif secara fizikal dan pemakanan yang kurang sihat. Justeru itu, Kementrian Kesihatan Malaysia komited akan meneruskan aktiviti-aktivi bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan amalan gayahidup sihat. Selain dari gayahidup, kanser juga dikaitkan dengan faktor usia dan keturunan.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [ KALABAKAN ]**

**TARIKH 14 MAC 2011**

**SOALAN**

**SOALAN NO : 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur [ Kalabakan** ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kakitangan yang berkhidmat di seluruh pusat kesihatan dalam bandar mahupun di luar bandar di negeri Sabah sudah mencukupi khususnya bagi klinik-klinik luar bandar.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Di negeri Sabah sehingga Disember 2010, penempatan kakitangan di 77 buah klinik kesihatan dan 191 buah klinik desa secara keseluruhan menunjukkan pengisian perjawatan bagi kategori Pakar Perubatan Keluarga adalah 71.4%; Pegawai Perubatan 16.8% ;

Penolong Pegawai Perubatan 70.2%; Jururawat 90.5%; dan Jururawat Masyarakat pada 89.6% (sila rujuk Lampiran).

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah khususnya di Bahagian Kesihatan Awam pada masa ini memang mengalami kekurangan dari segi pengisian jawatan. Walaubagaimanapun, bilangan kakitangan yang boieh ditempatkan adalah juga bergantung kepada pengeluaran kakitangan kakitangan dari sekolah-sekolah latihan atau pengajian perubatan. Dengan pertambahan bilangan keluaran kakitangan- kakitangan terlatih termasuk pegawai-pegawai perubatan dari pelbagai institusi sekarang, diharap perkara ini akan dapat diatasi dalam masa yang terdekat.

Setiap tahun Kementerian Kesihatan akan mengkaji dan menyemak keperluan serta penambahan sumber manusia dan ianya dipohon melalui Anggaran Belanja Mengurus (ABM) tahunan. Keperluan ini adalah berdasarkan norma anggota / penduduk, anggaran fasiliti baru yang akan dibuka dan beban kerja di sesebuah klinik kesihatan atau klinik desa.

Penempatan kakitangan akan diselaras bersama oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan Bahagian Sumber Manusia bagi mempastikan agihan dan penempatan kakitangan di negeri adalah mencukupi dan dapat memenuhi keperluan penyampaian perkhidmatan kesihatan setempat. Walaubagaimanapun bilangan kakitangan yang boleh ditempatkan akan juga bergantung kepada
pengeluaran kakitangan dari sekolah latihan atau institusi pengajian perubatan.

**LAMPIRAN**

**Perjawatan dan Pengisian Kakitangan Mengikut Kategori Bagi Negeri Sabah**

| Kategori | Perjawatan (Bil.) | Pengisian (%) | Kekosongan (%) |
|---|---|---|---|
| **Pakar Perubatan Keluarga** | **14** | **10 (71.4%)** | **4 (28.6%)** |
| **Pegawai Perubatan** | **546** | **92 (16.8%)** | **454 (83.2%)** |
| **Penolong Pegawai Perubatan** | **362** | **254 (70.2%)** | **108 (29.8%)** |
| **Jururawat** | **642** | **581 (90.5%)** | **61 (9.5%)** |
| **Jururawat Masyarakat** | **1599** | **1432 (89.6%)** | **167 (10.4%)** |

**Nota:** Data perjawatan dan pengisian adalah sehingga Disember 2010

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**NO. SOALAN: 18**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **TUAN CHONG CHIENG JEN** |
| | **[ BANDAR KUCHING ]** |
| **TARIKH BERSIDANG** | **14 MAC 2011** |

**SOALAN**

**Tuan Chong Chieng Jen [ Bandar Kuching** ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kos yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan untuk mengubahsuai Sarawak International Medical Centre kepada Hospital Pakar Jantung Hospital Umum Kuching. Apakah kos keseluruhan hospital tersebut yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kos pengubahsuaian Sarawak International Medical Centre kepada Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak ditanggung oleh pihak Sarawak Specialist Hospital & Medical Sdn. Bhd. (SSHMSB). Kos pemindahan dan untuk memulakan operasi Unit Anestesiologi/ Dewan Bedah/ CICU/ CCU adalah kira-kira RM25.000.00. Di samping itu, kerajaan telah menanggung kos sebanyak RM 6,795,700 untuk pembelian sebuah mesin *CT Scan Dual Source* bagi menampung perkhidmatan jantung di SIMC.

Keseluruhan bangunan Sarawak International Medical Center serta kemudahannya diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dengan kadar sewaan sebanyak RM 12 setahun bagi tempoh dua (2) tahun pertama di mana pengoperasian SIMC bermula pada Januari 2011. Perjanjian selepas dua tahun masih di peringkat rundingan.

**SOALAN NO: 19**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B DATO' SERI HAJI AZMI BIN KHALID

TARIKH: 14 MAC 2011

SOALAN:

Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [ Padang Besar ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan secara terperinci apakah tindakan yang telah diambil untuk menggalakkan pengusaha-pengusaha perkilangan, perladangan, restoran, dan industri-industri lain, memperkenalkan kaedah "mechanization" dalam industri masing-masing, bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing.

PR-000-L42039

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap pekerja asing, Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada pekerja asing dan menggalakkan majikan beralih kepada mekanisasi dan automasi.

2. Antara langkah-langkah bersifat *incentive* yang diambil Kerajaan bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing adalah seperti berikut:

(i) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah mengambil beberapa langkah dengan memperkenalkan *Enhance Capital-Intensive Industry Capital Intensive Per Employee* (CIPE) Jumlah pelaburan syarikat (kecuali tanah dan bangunan) / jumlah pekerja. Di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1975, syarikat yang mempunyai/telah mempunyai *shareholders' fund* minima RM2.5 juta @75 orang pekerja sepenuh masa adalah diwajibkan untuk memiliki

Lesen Pengilangan dari MITI yang diproses oleh MIDA. Secara dasamya, cadangan tersebut adalah bagi menggalakkan pelaburan berintensifkan modal berkembang di Malaysia di mana secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

(i) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), telah mengkaji dan membangunan perkara berkaitan mekanisasi yang boleh dilakukan di sektor perladangan dan antara kajian adalah seperti berikut:

a. *Mechanised Harvesting Pole* (CANTAS);
b. Getah *"Stimulant"* untuk mengurangkan bilangan pekerja penoreh getah;
c. Cocoa : Industri pemprosesab koko memperkenalkan *Cocoa Pod*

*Breaker (COBRE)* untuk memecahkan biji koko..

Melalui hasil kajian dan rekaan terbaru ini, diharap ia dapat meningkatkan pengeluaran hasil di sektor perladangan dan seterusnya mengurangkan kebergantungan sektor ini terhadap pekerja asing.

(ii) Kementerian Kerja Raya (KKR) juga turut mengambil beberapa langkah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dan antara dasar yang dilaksanakan adalah seperti penggunaan sistem *Industrialised Building System (IBS)* sehingga 70% dalam semua kontrak pembinaan Kerajaan dan pihak swasta juga digalakkan mengambil langkah yang sama.

3. Kerajaan juga turut menjadikan mekanisme levi sebagai strategi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing oleh majikan dan pihak industri. Namun begitu dasar ini dilaksanakan secara berperingkat tanpa menjejaskan operasi industri tersebut. Dalam pada itu, melalui pendekatan dan strategi ini, ia secara tidak langsung akan menggalakkan industri untuk beralih kepada mekanisasi dan dapat mengurangkan pengunaan tenaga kerja.

4. Kerajaan sentiasa memastikan supaya pengambilan pekerja asing hendaklah dirancang dan diurus secara teratur supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tempatan, keselamatan negara, kesihatan, kerukunan masyarakat dan keharmonian industri sentiasa terpelihara. Antara perancangan dan pelaksanaan yang dilakukan merangkumi perkara- perkara berikut:

(i) Mewujudkan perkongsian data dan maklumat pekerja asing antara pelbagai agensi untuk meningkatkan pemantauan ke atas majikan yang mempunyai pekerja asing;

(ii) Pelaksanaan Sistem Penjodohan Kerja (JCS) atau sekarang dikenali sebagai

JobsMalaysia di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM). Penggunaan JobsMalaysia diwajibkan kepada semua majikan yang bercadang mengambil pekerja asing supaya majikan mengutamakan pekerja tempatan dahulu;

(iii) Meningkatkan Penyertaan Tenaga Kerja Tempatan dengan memperkenalkan program-program untuk menjayakan Dasar Pendapatan Tinggi *(High Income Policy)* bagi meningkatkan penyertaan tenaga kerja tempatan dalam sektor utama yang menawarkan pendapatan yang lebih tinggi; dan

(iv) Kerajaan turut memutuskan perkara berikut sebagai dasar kerajaan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing:

a. Memperkemaskan semua prosedur dan proses pengambilan pekerja asing sedia ada;
b. membekukan pengambilan pekerja asing sektor perkhidmatan kecuali subsektor tukang masak restoran, pekerja pembersihan dan pencucian dan pekerja resort pulau peranginan;
c. Syarikat membekal dan mengurus Pekerja Asing (out-sourcing) hanya dibenarkan membekalkan pekerja kepada sektor perkilangan, perladangan dan pertanian sahaja;
d. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di barisan hadapan (Frontliner);
e. Menggalakkan lebih banyak perkhidmatan layan diri di sektor-sektor perkhidmatan diperkenalkan seperti restoran, stesen minyak, pasar mini dan lain-lain, dan
f. Tiada kebenaran baru bagi menjalankan pemiagaan membekalkan dan mengurus Pekerja Asing (out-sourcing) akan dikeluarkan dan kajian lanjut akan dijalankan bagi memastikan matlamat pelaksanaan sistem ini benar-benar mencapai objektif digariskan;

PERTANYAAN : LISAN

**SOALAN NO: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

DARIPADA TUAN HAJI AHMAD BIN KASIM [KUALA KEDAH]

TARIKH 14 MAC 2011

SOALAN

Tuan Haji Ahmad Bin Kasim [Kuala Kedah] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan mengenai kos yang telah di peruntukkan kepada program akreditasi dan ISO hospital seluruh negara, apakah justifikasi kerajaan membelanjakan wang sebanyak itu sedangkan perkhidmatan di hospital dikekang oleh perbelanjaan berhemah, serta apakah mAnfaat terus yang akan dinikmati oleh pesakit.

Tuan Yang di-Pertua,

Kos bagi menjalankan akreditasi dan ISO bergantung kepada kategori hospital, bilangan kepakaran dan bilangan katil di hospital. Secara purata kos akreditasi adalah di antara RM30,000.00 sehingga RM60,000.00; manakala kos ISO adalah di antara RM10,000.00 sehingga RM20,000.00.

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan tumpuan penting terhadap jaminan kualiti dan keselamatan pesakit *(quality and safety)* di dalam perkhidmatan rawatan pesakit. Penetapan serta kepatuhan terhadap piawaian-piawaian tertentu (seperti di dalam Akreditasi dan ISO Hospital) untuk setiap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak hospital adalah amat perlu di dalam usaha murni Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Di dalam dunia yang serba mencabar ini, pelanggan-pelanggan serta pesakit-pesakit mahukan kepastian atau *"assurance"* bahawa perkhidmatan yang diberikan telah menetapi piawaian, sama ada piawaian nasional atau piawaian antarabangsa. Program Akreditasi Hospital serta ISO merupakan program-program Kepastian Kualiti yang bertaraf antarabangsa.

Dengan tercapainya status Akreditasi atau ISO, pelanggan-pelanggan boleh merasa yakin terhadap kualiti perkhidmatan kesihatan yang diberikan oleh institusi yang telah mendapatkan pengiktirafan antarabangsa tersebut. Ini amat penting terutama di dalam usaha Kementerian Kesihatan untuk mempertingkatkan lagi "Health Tourism" atau Pelancongan Kesihatan, terutamanya di hospital swasta, di mana pesakit-pesakit dari luar negara menginginkan penilaian objektif mengenai kualiti institusi yang menyediakan perkhidmatan untuk mereka.

Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia memperuntukkan sejumlah perbelanjaan untuk memastikan hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia menetapi piawaian antarabangsa yang telah ditetapkan oleh *Malaysian Society for Quality in Health* (MSQH). MSQH merupakan badan akreditasi nasional yang telah diiktiraf oleh *International Society for Quality in Health (ISQua).* Usaha ini merupakan satu pelaburan masa panjang Kementerian untuk mempertingkatkan

kualiti perkhidmatan yang diberikan. Usaha ini juga adalah selaras dengan usaha pelbagai negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Hong Kong, Kanada, Australia dan Iain-lain yang mempunyai program akreditasi mereka tersendiri, di mana mereka merupakan ahli ISQua.

Oleh itu, pelaburan di dalam peningkatan kualiti perkhidmatan perubatan merupakan satu pelaburan yang bijak, di mana rakyat akan menikmati tahap perkhidmatan yang berkualiti tinggi serta berjaya memuaskan ekspektasi pelanggan, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengutamakan kepentingan rakyat.

**NO. AUM : 1**

**NO. AUP**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN :** | **LISAN** |
| **DARI PADA** | **DATO' SRI HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE** |
| | **[ SETIAWANGSA ]** |
| **TARIKH** | **14 MAC 2011** |
| **RUJUKAN** | **3361** |

**SOALAN:**

**Dato' Sri Haji Zulhasnan bin Rafique [ Setiawangsa** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Polis Di Raja Malaysia (PDRM) di dalam mempertimbangkan keberkesanan khidmat mereka kepada warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terutama pembangunan sistem kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan tertentu dalam usaha membanteras dan menangani jenayah daripada terus menular.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiawangsa yang mengemukakan pertanyaan.

Pemasangan CCTV merupakan satu dari 6 langkah utama dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Bagi menjamin keberkesanan penggunaan CCTV untuk mengurangkan jenayah ia perlu dibantu dengan pencahayaan yang baik dan juga kehadiran pegawai-pegawai keselamatan. CCTV ini bukan sahaja bagi maksud menghalang jenayah tetapi juga akan berfungsi sebagai pengesan jenayah dan membantu pendakwaan. Ia juga turut membantu pihak polis sampai ke tempat kejadian dengan cepat dan membuat orang awam merasa lebih selamat. Sistem- sistem CCTV sedia ada dan akan datang akan disambungkan kepada pusat kawalan PDRM di peringkat IPK atau IPD! Ianya diyakini akan dapat membantu mengurangkan kadar jenayah.

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, CCTV di Kuala Lumpur dipasang dan diselenggara oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. CCTV ini disambungkan kepada pusat kawalan PDRM. Untuk meningkatkan keberkesanannya lokasi pemasangan CCTV dibuat oleh PDRM berdasarkan kepada indeks jenayah dan makluman yang diterima daripada pihak DBKL.

Sehingga Disember 2010, bilangan CCTV yang telah dipasang oleh

DBKL bagi tujuan pemantauan jenayah adalah sebanyak 109 unit termasuk 27 unit CCTV baru yang telah dipasang pada tahun 2010 di IPD Dang Wangi. Untuk tahun 2011, DBKL telah merancang untuk memasang tambahan 10 unit CCTV di kawasan IPD Brickfield, Sentul dan Cheras selaras dengan objektif NKRA. Sesungguhnya, kerjasama DBKL dan PDRM serta orang ramai sangat penting untuk memastikan jenayah dapat dikurangkan dengan cepat.

**SOALAN NO: 22**

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN CHARLES ANTAHONY A/L R. SANTIAGO

TARIKH: 14 MAC 2011

SOALAN:
Tuan Charles Antahony A/L R. Santiago [ Klang ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan strategi Kementerian untuk mengatasi halangan-halangan dalam implementasikan gaji minimum sebanyak RM700 untuk pekerja-pekerja keselamatan (security guards).

PR-000-L42104

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, Perintah Majlis Penetapan Gaji (Perintah Peraturan Gaji) (Saraan Minimum Berkanun Pengawal Keselamatan Swasta di Semenanjung Malaysia) 2011 telah diwartakan pada 14 Februari 2011 dan mula berkuatkuasa pada 15 Februari 2011.

Bagi memastikan pelaksanaan gaji minimum ini dilaksanakan dengan berkesan, Kerajaan telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan. Hasil daripada perbincangan yang diadakan, pihak majikan telah bersetuju dengan pelaksanaan gaji minimum tersebut. Sehubungan itu, tidak timbul halangan dalam mengimplementasikan gaji minimum kepada pengawal keselamatan seperti yang telah ditetapkan.

No. Soalan :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **JAWAB LISAN**

**DARI PADA** **YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]**

**TARIKH** **14 MAC 2011**

**SOALAN** **YB DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah strategi masa depan dalam memastikan keselamatan pelajar dan rakyat Malaysia di luar negara apabila sesebuah negara itu mengalami krisis seperti yang berlaku di Mesir.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan Y.B. [Kuala Nerus] bersama soalan- soalan yang dikemukakan oleh:

- Y.B. [Setiu] bertarikh 17 Mac 2011

- Y.B. [Pengerang] bertarikh 7 April 2011

kerana soalan-soalan tersebut menyentuh isu yang sama.

2. Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat di atas soalan-soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Perwakilan-perwakilan Malaysia di seluruh dunia sentiasa bersiapsiaga dalam menghadapi sebarang kemungkinan seperti kecemasan, bencana alam, krisis politik atau peperangan.

4. Secara amnya, semua Perwakilan Malaysia di luar negara mempunyai Pelan Kontigensi masing-masing berpandukan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan Malaysia. Pelan Kontigensi ini merangkumi 4 tahap kesiapsiagaan iaitu Tahap Hijau, Kuning, Jingga dan Merah. Tahap Hijau menggambarkan keadaan stabil, aman dan tenteram. Tahap Kuning menggambarkan kekacauan dan ketegangan telah mula berlaku tetapi keadaan masih lagi terkawal. Tahap Jingga di mana keadaan dan situasi sekeliling menjadi semakin kritikal. Tahap yang terakhir adalah Tahap Merah di mana keadaan sudah tidak terkawal, kritikal, bahaya dan boleh mengancam keselamatan. Tahap kesiapsiagaan di sesebuah Perwakilan itu bergantung kepada penilaian Ketua Perwakilan berdasarkan kepada situasi semasa di negara tersebut.

5. Selain itu, Perwakilan Malaysia sentiasa memastikan semua rekod bagi warganegara Malaysia yang menetap di luar negara dikemaskini dan mengandungi maklumat yang lengkap seperti alamat tempat tinggal dan nombor perhubungan di negara berkenaan. Rekod ini memudahkan Perwakilan Malaysia untuk mengenalpasti lokasi rakyat Malaysia yang menetap di luar negara semasa kecemasan. Selain daripada itu, rakyat

Malaysia juga dinasihatkan agar mengelak daripada mendiami kawasan-kawasan yang berisiko tinggi seperti kawasan penempatan setinggan, kawasan berhampiran penjara dan kawasan-kawasan hitam yang sering berlakunya kegiatan jenayah.

6. Setiap rakyat Malaysia yang menetap atau berhasrat untuk menetap di luar negara telah diperingatkan melalui notis yang terkandung di bahagian belakang Pasport Antarabangsa Malaysia untuk mendaftarkan nama dan alamatnya semasa berada di luar negara di Pejabat Perwakilan Malaysia berhampiran. Adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia yang menetap di luar negara untuk berdaftar di Pejabat Perwakilan Malaysia. Dalam memudahkan urusan pendaftaran rakyat Malaysia yang menetap di luar negara, urusan pendaftaran kini boleh dilakukan secara atas talian (online) melalui laman sesawang Kementerian Luar Negeri iaitu www.kln.gov.my.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Melalui pengalaman krisis yang berlaku di Mesir baru-baru ini, Kedutaan Besar Malaysia di Kaherah menghadapi masalah menentukan jumlah dan lokasi sebenar rakyat Malaysia kerana kebanyakan pelajar dan rakyat Malaysia yang tinggal di sana tidak mendaftar dengan Kedutaan Besar Malaysia. Ini telah menimbulkan kesulitan untuk menghubungi mereka. Keadaan menjadi lebih sukar apabila jaringan komunikasi termasuk internet di sana tergendala.

8. Sebagai kesimpulan, Kementerian Luar Negeri sentiasa siapsiaga dan terus komited untuk membantu rakyat Malaysia di luar negara.

Sekian, terima kasih.

**RAKYAT, MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| TARIKH | : | 14 MAC 2011 (ISNIN) |
| DARIPADA | : | Y.B. TUAN ER TECK HWA<br>[ BAKRII |

**SOALAN**

**Y.B. TUAN ER TECK HWA [ BAKRI 1** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan tersendiri untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di pusat bandar Muar mengikut peruntukan bajet 2011

(a) adakah kementerian merancang untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk melaksanakan pelan pemindahan terminal bas Bentayan ke lokasi baru seperti mana Pelan Perancangan Tempatan 2005 untuk melegakan kesesakan lalu lintas di pusat bandar Muar; dan

(b) senaraikan kos yang terlibat dalam perancangan pemindahan terminal bas tersebut ke lokasi baru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa bersedia untuk bersama-sama mana-mana Pihak-pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan projek-

projek pembangunan yang berupaya memberikan selesaan hidup rakyat jelata. Dalam konteks ini, pelan pemindahan terminal bas Bentayan ke lokasi baru seperti dalam Pelan Perancangan Tempatan 2005 dapat dilaksanakan sekiranya Majlis Daerah Muar dapat mengemukakan perancangan tersebut kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan mencadangkan kaedah pembiayaan sama ada ia mampu dibiayai oleh Kerajaan Negeri, PBT sendiri ataupun melalui bantuan Kerajaan Pusat.

b) Setakat ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum menerima cadangan projek ini daripada PBT Muar. Oleh yang demikian, perincian projek ini seperti kos dan lokasi masih tidak dapat ditetapkan lagi.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Mac 2011

**Soalan No: 25**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B DATUK NORAH BINTI ABD RAHMAN (TANJONG MANIS)**

**TARIKH** **14.03.2011**

**SOALAN**

Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah menyatakan:

(a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan untuk menaik taraf Plank Walk di Muara Payang, Selidap, Mupong dan Berangan; dan

(b) membina baru rumah-rumah panjang di Muara Payang, Stalun, Sebayang, Tusok, Semalau, Teluk Gelam, RH Juing Bruit, Sare, Kerubung, Kerapa dan Bakerkong yang terletak di kawasan Tanjong Manis yang amat uzur.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian tidak dapat mempertimbangkan permohonan untuk menaik taraf Plank Walk di Muara Payang, Selidap, Mupong dan Berangan, yang mana sebelum ini dilaksanakan di bawah Program Ameniti Sosial (PAMS) memandangkan Kementerian tidak diluluskan peruntukan bagi pelaksanaan projek- projek kecil dalam tempoh *1st Rolling Plan* RMKe 10.

Kerajaan amat komited dalam membantu golongan miskin dan miskin tegar bagi mempunyai rumah yang selesa dan selamat. Justeru itu dalam tempoh pelaksanaan 2010 hingga 2012, Kerajaan menyasarkan untuk membina dan membaik pulih sejumlah 50 ribu unit rumah di bawah Program Bantuan Rumah, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (PBR, SPKR) di seluruh negara. Pada tahun 2011 sejumlah RM103 juta telah diluluskan untuk negeri Sarawak yang akan melibatkan pelaksanaan sejumlah 1,883 projek bina baru dan 1,761 projek baik pulih.

Secara dasarnya, mekanisme memuktamadkan senarai permohonan PBR di Sarawak adalah diselaraskan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sarawak, Pejabat Residen dan *Focus Group* Daerah. Sehubungan itu, senarai cadangan nama-nama penerima bantuan bagi projek-projek yang dipohon oleh Yang Berhormat akan diteliti oleh mekanisme ini bagi menentukan kelayakan dan jenis bantuan yang akan diberikan iaitu sama ada bina baru atau baik pulih.

Sehingga akhir Februari 2011, senarai permohonan PBR yang telah diselaras dan disusun mengikut keutamaan oleh *Focus Group* Daerah yang melibatkan kawasan Tanjung Manis adalah seramai 6 penerima membabitkan kos pelaksanaan berjumlah RM240,000.

SOALAN NO: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [**

**TELOK KEMANG ]**

**TARIKH : 14 MAC 2011**

**SOALAN**

**DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG ] minta PERDANA MENTERI menyatakan tindakan Kerajaan mengatasi kehilangan (mengikut anggaran Perunding Morgan Stanley) USD 100 bilion kerana rasuah sejak tahun 1980.**

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Keutamaan Kerajaan untuk membanteras rasuah bukan semata- mata didorong atau disebabkan oleh mana-mana indeks yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak sebagaimana isu yang dibangkitkan oleh Y.B. Telok Kemang. Usaha Kerajaan memerangi rasuah dilaksanakan dengan terancang melalui penguatkuasaan undang-undang secara efektif dan aktiviti pencegahan dan pendidikan yang menyeluruh. Tekad dan komitmen kerajaan ini lahir dari hasrat untuk membina masyarakat Malaysia yang bebas dari rasuah. Ini terbukti dengan tindakan telus dan usaha keras yang bersungguh-sungguh yang diambil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani gejala rasuah tanpa mengira kedudukan individu yang disiasat atau fahaman politik.

Keseriusan Kerajaan ini terbukti apabila telah melancarkan Pelan Transformasi Negara (GTP) pada tahun 2009 dan memerangi rasuah telah dipilih sebagai satu daripada enam (6) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). NKRA Rasuah menyenaraikan 26 inisiatif awal dan kajian mengenainya dilakukan bagi mendapatkan strategi

dan taktik paling berkesan untuk membanteras amalan rasuah dan meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa.

Sehubungan dengan ini juga, Kerajaan komited untuk menutup ruang dan peluang jenayah rasuah berlaku dalam perolehan kontrak dan tender Kerajaan. Pada 28 Februari 2010, satu Surat Arahan Perbendaharaan telah dikeluarkan yang mengehendaki semua Agensi Kerajaan memasukkan klausa pencegahan rasuah dalam semua dokumen tender dan kontrak Kerajaan. Ini diikuti pula dengan inisiatif di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang antara lainnya untuk mengurangkan secara berperingkat amalan surat sokongan yang kerap digunakan oleh ahli-ahli politik untuk mempengaruhi dan memintasi dasar serta tatacara standard Kerajaan bagi mendapatkan kontrak sepertimana garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara pada 8 Mac
2010.

Seterusnya pada 1 April 2010, Kerajaan telah mengeluarkan arahan berhubung dengan pelaksanaan *Integrity Pact* (dengan izin) dalam

semua perolehan Kerajaan. Pelaksanaan perjanjian integriti itu bertujuan untuk:

a) mengelak petender/penyebut harga daripada menawar atau memberi rasuah;

b) mengehendaki petender/penyebut harga melaporkan sebarang kesalahan rasuah kepada Pihak Berkuasa; dan

c) memastikan Kerajaan tidak menanggung *unnecessary costs* (dengan izin) dalam pelaksanaan perolehan Kerajaan

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI (TENOM)

TARIKH 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Datuk Raime bin Unggi (Tenom) minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,

KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah langkah-langkah untuk menangani masalah rungutan orang ramai berkaitan kelembapan pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menguruskan bantuan kepada rakyat yang layak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah melaksanakan pelbagai usaha bagi mempertingkatkan lagi perkhidmatan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menguruskan bantuan kepada rakyat yang layak. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan termasuklah:

a. Kuasa meluluskan bantuan diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah berkuatkuasa 28 April 2006 dan seorang pegawai tambahan yang terdiri dari pegawai kanan (Gred S32) di peringkat daerah berkuatkuasa pada 19 Mac 2010;

b. Bayaran kepada penerima bantuan dibuat pada 1 haribulan setiap bulan di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah / Jajahan / Bahagian mulai 1 September 2009 bagi negeri-negeri di Semenanjung dan mulai 1 Januari 2010 bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak melalui Surat Arahan Ketua Setiausaha KPWKM berkuatkuasa 31 Julai 2009;

c. Mewujudkan Tabung Bantuan Segera bagi memastikan kes-kes yang memerlukan bantuan segera dapat dibantu berkuatkuasa 24 April 2008;

Melaksanakan projek rintis kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) terhadap proses dan prosedur kerja bantuan kewangan di enam buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) iaitu PKMD Kuala Terengganu, PKMD Hilir Perak, PKMD Kinta, PKMD Seremban, PKMD Port Dickson dan PKMD Melaka Tengah. Melalui PPPK ini, permohonan bantuan diproses terus di pejabat dan keputusan permohonan

dimaklumkan terus kepada klien pada hari yang sama selepas siasatan /temuduga dijalankan; dan

Memperbanyakkan urusan pembayaran bantuan dibuat melalui bank. Pada masa ini JKM menggunakan dua kaedah pembayaran bantuan bulanan kepada penerima bantuan iaitu melalui bayaran secara tunai dan melalui bank. Secara purata, 60% bayaran bantuan kebajikan bulanan dibuat melalui bank manakala bakinya dibayar secara tunai. Bagi bayaran melalui bank, semua penerima bantuan bulanan JKM menerima bantuan pada tarikh yang ditetapkan iaitu pada 1 haribulan setiap bulan. Usaha-usaha sedang giat diambil oleh JKM untuk meningkatkan lagi bilangan penerima melalui bank sehingga 90% supaya bayaran secara tunai hanya dihadkan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu ke bank seperti pesakit kronik dan terlantar.

*MO z*
**SJ.B/(16 )**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK]**

**PERTANYAAN : MULUT**

**TARIKH : 14.03.2011**

**Tuan Haji Che Uda Bin Che Nik minta MENTERI KEWANGAN menyatakan kedudukan Program Amal Jariah yang dijalankan oleh Prokhas Sdn Bhd (Prokhas), sejauhmana program ini telah berjalan dan status kedudukan terkini program ini seteiah peruntukan tidak diberikan selepas 2009.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman Yang Berhormat, Program Amal Jariah bermula pada tahun 2008 dengan peruntukan sebanyak RM50.0 juta daripada Kerajaan kepada Prokhas Sdn Bhd (Prokhas). Sebanyak 8,858 buah rumah rakyat miskin dan miskin tegar telah berjaya di baik pulih melalui program ini sepanjang tahun tersebut. Program ini kemudiannya diteruskan pada tahun 2009 dengan peruntukan tambahan sebanyak RM50.0 juta dan sebanyak 9,493 rumah rakyat miskin dan miskin tegar**

telah di baik pulih menjadikan jumlah keseluruhan rumah-rumah yang berjaya di baik pulih sebanyak 18,351.

2. Bagi tahun 2010, program membaik pulih rumah rakyat miskin tegar di bawah Prokhas telah diberhentikan dan program ini diteruskan melalui Program Bantuan Rumah di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat yang diwujudkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN KASIM**
**(ARAU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 14.03.2011**

**Dato' Ismail bin Kasim ( Arau )** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan ada perancangan untuk membantu mempercepatkan proses pemulihan para peminjam yang disenaraihitamkan oleh institusi kewangan tempatan dan sama ada sistem yang wujud di Amerika Syarikat sesuai dan dapat diterapkan di Malaysia sebagai salah satu cara untuk membantu mereka yang menghadapi masalah pinjaman institusi kewangan untuk pulih.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, amalan institusi-institusi kewangan tempatan dalam pengurusan pemulihan hutang kini melalui proses di mana khidmat nasihat kewangan akan diberi kepada peminjam yang tidak berupaya membayar balik hutangnya pada tahap awalan. Sebagai contoh, semasa ekonomi domestik terjejas oleh krisis kewangan global (2008 hingga 2010), institusi perbankan tempatan telah mengambil langkah-langkah awalan untuk berhubung dengan peminjam yang mungkin terjejas, serta menawarkan pilihan bagi penstrukturan dan penjadualan semula pinjaman jika periu,

2. Langkah-langkah tersebut telah berjaya membantu ramai peminjam daripada gagal membayar ansuran hutang. Bagi pinjaman tak berbayar (*non-*

*performing* atau *impaired)* yang berjaya distrukturkan atau dijadualkan semula, pihak bank akan melupuskan rekod *non-performing* dalam *Central Credit Reference Information System (CCRIS).*

3. Selain itu, Bank Negara Malaysia telah menyediakan pelbagai mekanisme bagi membantu para peminjam (walaupun pinjaman mereka telah diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar), dengan penubuhan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (*Corporate Debt Restructuring Committee*, *CDRC)* dan Skim Penyelesaian Hutang Kecil *(Small Debt Resolution Scheme, SDRS).*

4. Dalam Ucapan Bajet 2011, Kerajaan telah mengumumkan suatu Akta Insolvensi baru yang akan menyatukan Akta Kebankrapan 1967 dan Bahagian 10 Akta Syarikat 1965, termasuk memperkenalkan peruntukan berkenaan mekanisme penyelamat bagi syarikat dan individu yang mempunyai masalah kewangan. Ia melibatkan peningkatan had minimum kebankrapan yang pada masa ini berjumlah RM30.000. Akta Insolvensi baru tersebut dijangka akan dapat memberi peluang kedua kepada peminjam yang layak dan disenaraihitamkan atau diisytiharkan muflis daripada status tersebut apabila had minimum kebankrapan ini dinaikkan.

SOALAN NO: 30

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMOR]**

**TARIKH : 14 MAC 2011**

**SOALAN:**

**TUAN LIM KIT SIANG [ IPOH TIMUR ] minta PERDANA MENTERI menyatakan kadar pencapaian sasaran Rancangan Transformasi Kerajaan (GTP) untuk "melengkapkan pendakwaan kes-kes rasuah, khasnya yang berkaitan dengan kepentingan awam, dalam tempoh satu tahun" dan apakah tindakan pembetulan yang akan diambil untuk memperbetulkan kegagalan pencapaian sasaran ini.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZR1 BIN ABDUL AZIZ**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu daripada inisiatif NKRA Memerangi Rasuah di bawah Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) adalah ''Menyelesaikan Perbicaraan Kes Rasuah Dalam Masa Satu Tahun". Kesemua kes kesalahan rasuah adalah disifatkan sebagai mempunyai kaitan dengan kepentingan awam tidak kira jumlahnya atau siapa yang terlibat. Bagi merealisasikan pelaksanaan inisiatif ini, pihak Mahkamah dan Jabatan Peguam Negara telah memberikan kerjasama yang

sepenuhnya.

Pada bulan Januari 2010, satu Pekeliling telah dikeluarkan oleh YAA Ketua Hakim Negara kepada hakim-hakim untuk menyelesaikan perbicaraan kes rasuah dalam masa satu tahun. Pada bulan Jun 2010, pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah (CPC) telah diluluskan yang memperuntukkan mengenai pendakwaan yang perlu diselesaikan dalam tempoh 90 hari, termasuk menjalankan pengurusan kes sebelum tarikh perbicaraan, bagi mempastikan saksi dan kesemua dokumen adalah mencukupi serta lengkap bagi melancarkan proses perbicaraan.

Pada pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2010, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan 4 Mahkamah Tinggi Khas Rasuah dan 14 Mahkamah Sesyen Khas Rasuah yang mana telah siap pembinaan keseluruhannya pada penghujung tahun 2010. Kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga Kementerian Kewangan berkaitan perjawatan dan penempatan hakim-hakim, pegawai-pegawai dan kumpulan sokongan juga telah diperolehi pada waktu yang sama. Kesemua Mahkamah Sesyen Khas Rasuah tersebut telah mula beroperasi serentak di seluruh Malaysia pada 16 Februari 2011.

Sasaran pencapaian inisiatif ''Menyelesaikan perbicaraan kes rasuah dalam tempoh satu tahun" bagi tahun 2010 adalah 30% dan pencapaian sebenar untuk tahun tersebut adalah 36.3%. Sasaran tidak diletakkan tinggi pada masa tersebut memandangkan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah masih dalam pembinaan pada tahun 2010 dan masih berkongsi Mahkamah dengan kes-kes yang lain.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN: PERTANYAAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]**

**TARIKH : 14 MAC 2011**

NO SOALAN : 31

**<u>SOALAN</u> :**

**YB MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT] MINTA PERDANA MENTERI MENYATAKAN SEJAUH MANAKAH INSTITUT INTEGRITI Malaysia (IIM) MELAKSANAKAN KEMPEN-KEMPEN PENDIDIKAN MEMBENTERAS RASUAH DI KALANGAN PARTI POLITIK TERUTAMA DALAM SEKTOR POLITIK DI NEGARA INI.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelancaran Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Insitut Integriti Malaysia (IIM) pada 23 April 2004 merupakan agenda berterusan pihak kerajaan ke arah membudayakan integriti masyarakat Malaysia pelbagai sektor.

Sejajar dengan matlamat tersebut, IIM giat menganjurkan program-program kesedaran, pemahaman dan penghayatan integriti dalam kalangan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin politik di seluruh negara baik di pihak parti pemerintah mahupun pembangkang.

Program dan aktiviti pembudayaan integriti di kalangan ahli dan parti politik terutama diperingkat akar umbi di kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) terus dilaksanakan secara berperingkat - peringkat.

Di samping itu IIM juga mengadakan kerjasama dengan Institut Integriti Negeri (UN) untuk mengadakan program-program

pemantapan integriti kepada pemimpin-pemimpin parti diperingkat WANITA, PEMUDA, PUTERA DAN PUTERI.

Selain dari itu, dalam usaha untuk membudayakan integriti pelbagai sektor termasuk sektor politik, IIM telah mengadakan kajian, persidangan, perbincangan meja bulat dengan pelbagai sektor masyarakat, termasuk mengadakan bengkel, seminar dan ceramah, serta menerbitkan bahan-bahan bacaan berkaitan integriti.

Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat pembudaaan integriti masyarakat Malaysia, ianya memerlukan suatu jangka masa panjang. Justeru, semua pihak, termasuk sektor awam, swasta, korporat, politik, media, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), pelbagai pertubuhan dan persatuan, kepimpinan masyarakat, kalangan belia dan pelajar, warga pendidik serta ibu bapa perlu memainkan peranan masing-masing untuk membantu menjayakan perlaksanaan agenda integriti negara sebagaimana digariskan di dalam Pelan Integriti Nasional.

Sekian. Terima kasih.

**NO SOALAN : 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

TARIKH **14 MAC 2011**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah serius dan pro-aktif FELDA terhadap isu-isu yang dihadapi oleh peneroka seperti isu wang tanam semula, penggredan buah kelapa sawit dan tanah untuk generasi kedua FELDA.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya tiada isu besar yang dihadapi oleh peneroka seperti mana yang dinyatakan Ahli Yang Berhormat. Perkara-perkara yang berkaitan dengan wang tanam semula, penggredan buah tandan segar (BTS) dan tanah untuk generasi kedua telah diambil tindakan sewajarnya oleh FELDA. Sejak kemasukan peneroka di tanah rancangan, penerangan diberikan secara berterusan kepada semua peneroka.

Peneroka di tanah rancangan FELDA mempunyai mekanisma dan pelbagai saluran untuk mengadu masalah mereka. Peneroka boleh mengemukakan sebarang aduan kepada Pengurusan Rancangan melalui mesyuarat blok, perjumpaan, perbincangan atau seumpamanya. Pertubuhan yang ada di tanah rancangan seperti Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR), Gabungan Pertubuhan Wanita (GPW), belia, koperasi, jawatankuasa masjid dan seumpamanya, adalah badan yang mewakili peneroka dan mengadakan mesyuarat setiap bulan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah peneroka. Di peringkat pusat pula, Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKPP) adalah badan tertinggi yang mewakili peneroka membuat keputusan bersama Pengurusan FELDA dalam hal-hal yang berkaitan kepentingan peneroka.

Mengenai isu wang tanam semula, perkara tersebut telahpun dimaklumkan kepada semua peneroka melalui panduan pekeliling yang dikeluarkan FELDA. Semua peneroka mendapat maklumat mengenai peraturan pemulangan wang tanam semula. FELDA telah memulangkan wang tanam semula kepada sebahagian besar peneroka yang urus sendiri. Wang yang belum dibayar adalah sebilangan kecil sahaja disebabkan mereka belum menebang pokok asal.

Mengenai isu penggredan buah tandan segar atau singkatannya BTS, panduan untuk melaksanakan penggredan BTS adalah mengikut manual penggredan yang dikeluarkan oleh Malaysian Palm Oil Board (MPOB). Penggredan yang dilaksanakan oleh kilang sawit FELDA adalah mengikut panduan MPOB sebuah agensi yang diiktiraf oleh Kerajaan. Penggredan

Buah Tandan Segar (BTS) dilaksanakan untuk meningkatkan kadar perahan minyak. Kadar perahan digred (KPG) yang diberikan kepada peneroka selepas BTS mereka digred adalah mengikut panduan yang ditetapkan. FELDA telah mengedarkan buku panduan penggredan oleh MPOB kepada pemimpin peneroka di tanah rancangan.

Bagi memastikan penggredan BTS mengikut panduan yang ditetapkan, pihak FELDA telah menubuhkan satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai *Joint Consultative Council* (JCC) di peringkat kilang yang dianggotai oleh Pengurus Rancangan, Pengurus Kilang dan Timbalan Naib Pengerusi yang mewakili peneroka. Tugas JCC ini untuk menyelesaikan isu kilang antara peneroka dan kilang, penetapan jadual penghantaran, kempen kesedaran bagi meningkatkan penghantaran BTS masak dan latihan kepada penuai dan pemandu lori.

Isu mengenai tanah kepada generasi kedua FELDA sebenarnya sedang diusahakan. Ini adalah kerana FELDA menyediakan rumah mampu milik kepada generasi kedua iaitu Perumahan Warga FELDA (PWF) yang dibina di kawasan-kawasan terpilih dan mengikut kemampuan kewangan FELDA. Pemilihan kawasan berdasarkan kepada keperluan dan permintaan generasi kedua di samping kesesuaian tapak dan lokasi. Di samping itu, FELDA dan Kerajaan Negeri Johor, Negeri Sembilan dan Pahang telahpun membuat dasar untuk mengagihkan sebahagian lot-lot ladang di tanah rancangan untuk tapak rumah kepada seorang untuk mewakili setiap rumah kepada generasi baru.

oooooooooooooooooo

**<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>**

**No. Soalan : 33**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : **DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN**

**TARIKH** **14 MAC 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

**Dato[1] Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelaksanaan awal yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dalam usaha memastikan pengangkutan awam darat yang selamat, boleh diharap, efisyen, responsif, terancang serta kompetitif.

**JAWAPAN: <u>YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI</u> BIN ABDUL AZIZ**
**<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah beroperasi dengan sepenuhnya pada 31 Januari 2011 setelah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD) dikuatkuasakan. Semenjak Suruhanjaya ditubuhkan pada 3 Jun 2010, SPAD telah melaksanakan langkah-langkah persediaan untuk membolehkannya beroperasi dengan lancar apabila Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung Malaysia, Jabatan Keretapi dan fungsi-fungsi perlesenan kenderaan pelancongan diambil alih oleh SPAD pada 31 Januari 2011.

Antara pelaksanaan awal SPAD untuk menambahbaik pengangkutan awam di negara ini adalah seperti berikut:

- Meningkatkan aktiviti penguatkuasaan terutamanya di terminal bas
- Menambahbaik perkhidmatan dan sistem pengurusan pelanggan yang merangkumi talian pertanyaan dan aduan SPAD

Mengadakan pertemuan dengan pengusaha-pengusahan pengangkutan awam darat untuk mengenalpasti isu-isu yang dihadapi mereka, termasuk mengadakan pertemuan meja bulat dengan pengusaha untuk membincang

masalah-masalah seperti keselamatan bas ekspres dan pelancongan

Melaksanakan inisiatif-inisiatif Bidang Utama Keberhasilan Nasional (NKRA) untuk menambahbaik pengangkutan bandar terutamanya untuk pengangkutan bas

Mengkoordinasi pemindahan pengusaha-pengusaha bas dari Terminal Bas Sementara Bukit Jalil ke Terminal Bersekutu Selatan Bandar Tasik Selatan

Menyiapkan Pelan Pembangunan Rel Bandar pada akhir bulan Mac 2011. Pelan ini akan mengenal pasti koridor rel untuk masa depan di Lembah Kelang dan akan menjadi salah satu komponen Pelan Induk Pengangkutan Awam Greater Kuala Lumpur/Klang Valley yang akan disiapkan pada bulan September tahun ini

Memulakan dalam masa terdekat proses pendaftaran semula lesen- lesen kenderaan perdagangan sedia ada untuk mengenal pasti bilangan sebenar lesen-lesen yang aktif serta pengusaha-pengusaha yang mempunyai kes tertunggak. Sekian, Terima kasih

No. Soalan : 34

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA TUAN TAN TEE BENG

TARIKH 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada hasil kajian itu diambilkira dalam rancangan *Mass Rapid Transit (MRT)* yang dikatakan akan dibina supaya sistem MRT tidak menempah kegagalan seperti sistem LRT sebelumnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan untuk satu jajaran rel yang dapat memberi perkhidmatan pengangkutan awam yang efisyen kepada penduduk di kawasan- kawasan antara Sungai Buloh dan Kajang telahpun dikemukakan oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad pada tahun 2006. Kajian fisibiliti dan kajian-kajian yang lain serta perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan telah dijalankan semenjak tahun itu.

Jajaran rel tersebut juga telah dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dalam Draft Pelan Bandaraya Kuala Lumpur pada tahun 2008 dan seterusnya oleh makmal NKEA Greater Kuala Lumpur/Klang Valley pada tahun 2010. Rumusan kajian-kajian di atas telah membolehkan kerajaan melancarkan pembinaan fasa pertama projek MRT Lembah Kelang dari Sungai Buloh ke Kajang pada tahun ini.

Antara langkah-langkah yang diambil untuk mengelakkan kekurangan-kekurangan yang pernah dialami oleh sistem LRT adalah:

(a) Menjadikan projek MRT Lembah Kelang projek yang dibiayai oleh kerajaan dan bukan projek yang diswastakan,
(b) Menjadikan Syarikat Prasarana Negara Bhd pemilik projek serta aset MRT untuk memudahkan integrasi fizikal serta integrasi sistem tiket dengan sistem LRT sedia ada,
(c) Memastikan adanya stesen-stesen pertukaran yang sempurna dengan sistem LRT dan KTM Komuter,
(d) Memastikan adanya rangkaian bas perantaraan (feeder bus service) yang efisyen, dan
(e) Mengenai pasti lokasi dan membina stesen pertukaran bas berhampiran dengan setengah-setengah stesen MRT.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO. 35

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**
**PARLIMEN KEDUA BELAS TAHUN 2011 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB (MARAN)**

**TARIKH** : **14 MAC 2011**

**SOALAN** :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah** menyatakan Kerajaan melalui KKLW telah melancarkan Program Bina Rumah (PBR) dan Baik Pulih Rumah (BPR) pada tahun 2009 hingga sekarang. Projek tersebut dianggap satu-satunya projek memberi peluang kepada rakyat tidak berkemampuan memiliki kediaman sendiri yang lebih selesa. Bila program tersebut akan diteruskan, berapakah jumlah penerima serta perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan sejak dilancarkan dan sehingga kini.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Dipertua,**

Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) atau dahulunya dikenali sebagai Program Pemulihan Rumah (PPR) di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dilaksanakan sejak tahun 1989.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) sahaja, Kerajaan telah memperuntukkan RM1.1

bilion untuk membiayai pelaksanaan sejumlah 41,937 projek PBR iaitu melibatkan 22,810 projek Bina Baru dan 19,127 projek Baik Pulih. Pelaksanaan projek-projek ini telah memberikan impak besar dalam meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup golongan miskin dan miskin tegar dan diunjurkan seramai 209,685 orang telah mendapat faedah ini sepanjang tempoh RMK-9.

**Tuan Yang Dipertua,**

Selaras dengan komitmen Kerajaan dalam *mendahulukan kepentingan rakyat*> Program Bantuan Rumah ini terus menjadi agenda utama dalam program pembasmian kemiskinan negara. Justeru itu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM602.9 juta dalam *First Rolling Plan* RMK10 (2011-2012) bagi membiayai sejumlah 18,875 projek PBR dan diunjurkan pelaksanaan ini mampu meningkatkan kualiti hidup kumpulan sasar PBR di kawasan luar bandar.

NO SOALAN : 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| **PERTANYAAN** | **LISAN** |
| **DARIPADA** | **Y.B. TUAN WEE CHOO KEONG**<br>**[ WANGSA MAJU ]** |
| **TARIKH** | **14 MAC 2011** |
| **SOALAN** | **Meminta MENTERI PELANCONGAN menyatakan :** |

Bahawa memandangkan banyak agensi-agensi pelancongan yang ditutup *(collapsed),* sama ada Kementerian bercadang untuk mengeluarkan peraturan-peraturan untuk memaksa MATTA menyediakan tabung pampasan untuk dibayar semula kepada orang ramai yang telah membuat bayaran pendahuluan untuk tiket-tiket penerbangan dan pakej pelancongan di MATTA Travel Fair? Jika tidak, sila nyatakan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada peraturan yang khusus yang membolehkan Kementerian memaksa atau mengarahkan MATTA membayar kembali segala deposit yang telah dibayar oleh pembeli pakej yang ditipu oleh syarikat agensi pelancongan. Walaubagaimanapun Kementerian telah mengambil langkah dan inisiatif dengan memanggil kedua pihak yang bertelingkah untuk menyelesaikan masalah yang timbul secara rundingan.

Sebagai contoh pada tahun 2010, Kementerian telah menyelesaikan sebanyak 152 daripada 192 aduan yang diterima melibatkan penipuan di kalangan agensi pelancongan kepada pelancong asing dan tempatan. Pada tahun 2010 satu (1) aduan diterima melibatkan pakej pelancongan yang dijual di MATTA Fair oleh syarikat pelancongan tetapi pelanggan yang membeli pakej ini tidak mendapat apa yang telah dijanjikan. Walau bagaimanapun, kes ini telah diselesaikan.

Pembeli juga dinasihatkan agar membawa kes ke Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM), Mahkamah Sivil atau pun membuat laporan polis jika terdapat unsur-unsur penipuan.

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

TARIKH 14 MAC 2011

RUJUKAN : 3366

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan;

(a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk membina serta melaksanakan projek seperti berikut di Bahagian Bintulu, sebuah

Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Depoh Tahanan Imigresen dan Kompleks/ Pusat pasukan Gerak Am (PGA) Bahagian Bintulu; dan

(b) Berapakan peruntukan kewangan untuk membina setiap kompleks-kompleks ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bintulu kerana telah mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada masa ini tiada cadangan untuk membina Kompleks Kementerian Dalam Negeri, Depoh Tahanan Imigresen dan Kompleks/ Pusat Pasukan Gerak Am (PGA) di Bahagian Bintulu. Walau bagaimanapun, pada masa hadapan Kementerian akan menimbang untuk membina projek berkenaan sekiranya ada keperluan. Jumlah peruntukan kewangan untuk membina setiap kompleks ini adalah bergantung kepada skop kerja setiap projek.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN HAJI AB AZIZ BIN AB KADIR

TARIKH: 14 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [ Ketereh ] minta MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan bilangan dan kadar pengangguran belia di setiap negeri mengikut kategori jantina sepanjang 5 tahun. Apakah tindakan Kerajaan dalam menangani pengangguran di kalangan belia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Kadar pengangguran belia di negara ini secara umumnya berubah dari tahun ke tahun berdasarkan maklumat Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia. Mengikut data Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran belia di Malaysia bagi 5 tahun kebelakangan ini adalah seperti berikut:

| Bil | **Tahun** | **% Pengganguran** |
|---|---|---|
| 1. | 2006 | 3.3 |
| 2. | 2007 | 3.2 |
| 3. | 2008 | 3.3 |
| 4. | 2009 | 3.7 |
| 5. | 2010 | 3.5 |

2. Bilangan dan kadar pengangguran belia di setiap negeri sepanjang 5 tahun terdahulu secara terperinci adalah seperti berikut:

| BIL | BIL. BELIA ( '000 ) KADAR PENGANGURAN (%) | 2006 | 2007 | 2008 | 2009 | 2010 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PERLIS**<br>% | **2.4**<br>3.2 | **2.5**<br>3.0 | **2.5**<br>2.9 | **2.8**<br>2.8 | **2.4**<br>2.9 |
| 2. | **KEDAH**<br>% | **25.6**<br>3.8 | **22.7**<br>3.3 | **27.0**<br>3.8 | **31.1**<br>4.2 | **23.8**<br>3.2 |
| 3. | **PULAU PINANG**<br>% | **11.2**<br>1.7 | **14.0**<br>2.1 | **13.4**<br>2.0 | **17.3**<br>2.5 | **14.3**<br>2.0 |
| 4. | **PERAK**<br>% | **29.6**<br>3.5 | **25.7**<br>2.9 | **33.6**<br>3.8 | **32.2**<br>3.5 | **31.9**<br>3.5 |
| 5. | **KELANTAN**<br>% | **11.4**<br>2.4 | **13.2**<br>2.7 | **14.5**<br>2.9 | **12.6**<br>2.4 | **16.2**<br>3.0 |
| **6.** | **TERENGGANU**<br>% | **13.1**<br>3.6 | **9.7**<br>2.6 | **13.2**<br>3.4 | **15.3**<br>3.8 | **16.7**<br>3.9 |
| **7.** | **PAHANG**<br>% | **13.9**<br>2.4 | **18.3**<br>3.2 | **15.8**<br>2.6 | **18.6**<br>3.0 | **21.6**<br>3.4 |
| 8. | **SELANGOR**<br>% | **66.8**<br>3.2 | **63.8**<br>3.0 | **67.8**<br>3.1 | **78.0**<br>3.6 | **62.7**<br>2.9 |
| **9.** | **W.P. KUALA LUMPUR**<br>% | **19.5**<br>2.8 | **20.3**<br>2.9 | **18.8**<br>2.7 | **20.2**<br>2.9 | **20.4**<br>2.8 |
| 10. | **NEGERI SEMBILAN**<br>% | **15.7**<br>4.0 | **14.2**<br>3.6 | **12.2**<br>3.1 | **15.7**<br>3.9 | **14.2**<br>3.5 |
| 11. | **MELAKA**<br>% | **3.5**<br>1.3 | **6.1**<br>2.7 | **3.2**<br>1.1 | **6.9**<br>2.4 | **3.7**<br>1.2 |
| 12. | **JOHOR**<br>% | **27.6**<br>2.1 | **26.9**<br>2.0 | **29.3**<br>2.2 | **43.7**<br>3.2 | **37.4**<br>2.7 |
| 13. | **SARAWAK**<br>% | **39.7**<br>4.1 | **43.4**<br>4.3 | **51.3**<br>5.3 | **46.8**<br>4.6 | **54.2**<br>5.2 |
| 14. | **SABAH**<br>% | **70.3**<br>5.7 | **69.2**<br>5.5 | **63.8**<br>4.9 | **74.6**<br>5.5 | **81.7**<br>6.0 |
| 15. | **W.P. LABUAN**<br>% | **3.2**<br>9.4 | **1.5**<br>4.5 | **1.9**<br>5.6 | **2.1**<br>5.6 | **2.1**<br>5.4 |
| **JUMLAH PENDUDUK**<br>***PERATUS PENGGANGURAN*** | | **356.6**<br>***3.3*** | **351.4**<br>3.2 | **368.5**<br>3.3 | **418.0**<br>3.7 | **403.2**<br>3.5 |

**Punca : Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia**

Bagi negeri Sabah dan Sarawak, pengangguran di kalangan belia bagi 5 tahun adalah dalam lingkungan

*4%* hingga *5%* setahun. Manakala bagi negeri Pulau Pinang, Wilayah Perseketuan Kuala Lumpur dan Melaka, kadar pengguran dibawah 3%. Lain-lain negeri pengangguran diantara 3% hingga 4%.

Tuan Yang Dipertua,

3. Kerajaan melalui pelbagai Kementerian telah mengadakan berbagai program dan langkah untuk menangani pengangguran di kalangan belia.Melalui sistem *JobsMalaysia,* Kementerian Sumber Manusia (KSM) berharap dapat menarik lebih ramai belia daripada seluruh Malaysia untuk berdaftar dengan sistem ini. Sistem ini membolehkan mereka yang berdaftar memadankan kekosongan jawatan dalam sistem berkenaan dengan kelayakan pemohon.

4. Bagi golongan belia tidak mendapat kemudahan atau akses internet bagi mendafitar di dalam sistem JobsMalaysia, KSM telah mengambil inisiatif ‘turun padang’ dengan mengadakan Program Penempatan Pekerjaan (3P) yang antara lain bagi membantu menemukan belia menganggur dan majikan dan memudahkan penempatan pekerjaan kepada pencari kerja. Program 3P dilaksanakan 2 kali sebulan di setiap pejabat cawangan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) di seluruh Malaysia. Program ini turut diadakan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi memberi peluang kepada graduan untuk memohon jawatan yang sesuai menjelang tamat pengajian.

5. Selain itu, KSM melalui jabatan-jabatan dan agensi dibawahnya seperti Jabatan Tenaga Kerja dan Jabatan Tenaga Manusia dari semasa ke semasa mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada golongan belia bagi memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa di samping panduan bagaimana menghadapi temu duga.

Tuan Yang Di Pertua,

6. Kerajaan juga pemah dan sedang melaksanakan pelbagai langkah bagi membantu golongan belia mendapat pekerjaan dam pengalaman seperti berikut:

i. Memberi peluang kepada graduan menganggur untuk berkhidmat sebagai Pegawai Khidmat Singkat dan Guru sandaran yang diselaraskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pelajaran

ii. *Industrial Skills Enhancement Program (INSEP)* oleh Kementerian Kewangan

iii. *Graduate Employabiliti Management Scheme (GEMS)* oleh Khazanah Nasional

iv. *Business Process outsourcing Programme* oleh Kementerian Pengajian Tinggi

v. Program Tunas Mekar di mana siswazah ditempatkan di Perindustrian Kecil dan Sederhana yang terpilih selama setahun disamping kursus keusahawanan selama 3 hari oleh Universiti Teknologi MARA

vi. Program Siswazah industri Pembinaan oleh Construction Industri Delepment Board di mana graduan dalam bidang yang berkaitan yang belum bekerja di beri latihan

vii. *SME-University Internship Programme* yang diselaras oleh Kementerian Pengajian Tinggi

viii. *Malaysia Graduate Trainee Programme (GTP)* oleh Multimedia Development Corporation;

ix. Program Pembangunan usahawan Siswazah oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

x. *SC Executive Enhance and Development (SEED)* oleh Suruhanjaya Sekuriti yang melatih graduan bagi memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan.

7. Kerajaan berharap langkah-langkah yang dinyatakan di atas dapat menangani masalah pengangguran dari kalangan belia.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUABELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Y.B TUAN HASBI BIN HABIBOLLAH (LIMBANG)**

**TARIKH : 14 MAC 2011**

**SOALAN :**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan dapatkah Kerajaan melaksanakan naiktaraf Jalan Ipal - Pendam untuk faedah rakyat di sepanjang sungai bersempadanan dengan negara jiran

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek naiktaraf Jalan Ipai - Pendam disenaraikan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (2010 -

2012). Projek ini melibatkan pembinaan jalan sepanjang 3.8km.

Pada masa ini, projek diperingkat pembinaan. Prestasi terkini pelaksanaan adalah 100% jadual dan 81.87% sebenar. Tempoh kontrak bagi projek ini adalah selama 6 bulan. Kelewatan pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh banjir yang berlaku di tapak. Kerja yang sedang dilaksanakan adalah kerja-kerja *sub base* dan projek ini dijangka selesai pada 31 Mac 2011.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : TUANWONG HO LENG

[SIBU]

TARIKH : 14MAC 2011

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [ Sibu ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan tindakan kerajaan terhadap penebatan banjir di Sibu dari 2009 hingga Februari 2011. Senaraikan peruntukan setiap fasa projek mitigasi banjir beberapa tahun ini. Adakah benar bahawa peruntukan RM500 juta bagi Fasa 2 telah ditangguhkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos keseluruhan bagi mengatasi masalah banjir di kawasan Sibu adalah dianggarkan sejumlah RM 588.0 juta. Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM 284 juta dengan pecahan seperti berikut:

i. RM 138 juta untuk projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sibu Fasa 1

yang telah bermula pada bulan Februari 2009 dan dijangka siap pada bulan Februari 2012;

ii. RM 76 juta untuk Projek Menaiktaraf Sistem Perparitan Dalaman di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2). Projek ini telah bermula



iii. RM 70 juta untuk projek RTB Sibu Fasa 2 di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10).

Bagi memastikan Rancangan Tebatan Banjir ini berfungsi dengan sempurna dan sebagai langkah menangani masalah banjir di kawasan Sibu dengan berkesan, pihak Kementerian akan memohon peruntukan tambahan di bawah *Rolling Plan Ke-2* dalam RMKe-10.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN : 41**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] |
| TARIKH | 14.03.2011 (ISNIN) |

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [ SEPANGGAR ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan bagaimana Kerajaan dapat mengawal kenaikan harga makanan yang semakin meningkat tanpa membebankan rakyat berikutan kenaikan harga bahan bakar sejak tahun 2008 dan kini beransur stabil. Adakah Kerajaan boleh menyeragamkan harga barang makanan di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan agar pengguna mendapatkan bekalan barang dengan harga yang berpatutan, bukan sahaja di bandar, malah di luar bandar juga. Untuk mengurangkan beban kos pengangkutan yang menjadi faktor harga barang tinggi di kawasan luar bandar, Kementerian telah menjalankan Projek Penyeragaman Harga Barang Perlu, Penyeragaman Harga

Gas Petroleum Cecair (LPG) dan Projek Pengedaran Petrol dan Diesel *(Community Drumming).*

Langkah yang telah diambil bagi memastikan harga dan kos barangan berada dalam keadaan yang stabil adalah dengan melipatgandakan pemantauan dan pemeriksaan secara berterusan di seluruh negara ke atas pembekal, pengedar, pemborong serta peruncit.

Program subsidi untuk barang-barang perlu serta penstabilan harga runcit bagi barang-barang ini terus dilaksanakan dan meliputi barangan seperti gula, tepung gandum, minyak masak, beras ST15%, gas petroleum cecair (LPG) serta petrol dan diesel pada harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Selain itu, sistem pengedaran barangan sedia ada akan dipertingkat dan di tambah baik.

# DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT PARLIMEN KEDUA BELAS (2011)

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADADATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
**[MARANG]**

TARIKH 14 MAC 2011 [ISNIN]

SOALAN

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan satu pelan

transformasi terhadap bidang agama sebagaimana yang dilakukan terhadap bidang ekonomi (ETP) dan Kerajaan (GTP), bagi mengangkat status Islam sebagai agama Persekutuan agar pembangunan masa depan Islam adalah lebih terancang dan bersepadu.



<u>JAWAPAN</u>: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah agensi utama pengurusan hal ehwal Islam di peringkat persekutuan, Jakim sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan yang diberikan adalah bertepatan dengan kehendak pelanggan dan *stakeholder.* Salah satu usaha yang digerakkan dalam memacu transformasi pengurusan hal ehwal Islam ialah melalui penyediaan Perancangan Pelan Strategik Jakim 2009-2014.

Melalui Perancangan Pelan Strategik ini JAKIM berwawasan untuk mencapai tahap seperti berikut:

a) Pengurusan halal ditingkatkan dengan lebih cekap dan berkesan melalui penaikan taraf Bahagian Hab Halal kepada sebuah pusat rujukan halal peringkat global.

b) Menghasilkan kajian-kajian bertaraf dunia dalam bidang pembangunan Islam melalui Institut Penyelidikan dan Pembangunan Islam Malaysia.

c) Semua undang-undang syariah sedia ada diseragamkan dan diselaraskan pelaksanaannya.

d) Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) sedang diperhalusi untuk dinaiktaraf supaya seimbang dengan mahkamah sivil.

e) JAKIM menjadi sebuah institusi yang dapat memberi khidmat dakwah bertaraf dunia disamping dapat menyediakan kandungan dakwah dan perkhidmatan hal ehwal Islam secara *on-line* melalui bidang teknologi maklumat dan komunikasi.

f) Meletakkan sistem dan prasarana sekolah-sekolah agama rakyat dan KAFA telah diiktiraf dalam arus perdana pendidikan kebangsaan.

g) JAKIM menjadi sebuah pusat rujukan pembangunan Islam yang unggul di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa.

h) JAKIM memiliki institusi pengajian tinggi dalam bidang al-Quran dan al-Hadith yang boleh mengeluarkan ulama' pakar dalam bidang-bidang berkenaan.

i) Meningkatkan prasarana sosioekonomi umat Islam di seluruh negara.

Kesimpulannya, JAKIM melalui penyediaan Perancangan Pelan Strategik ini akan memacu usaha-usaha transformasi ke arah pembangunan masa depan hal ehwal Islam yang lebih terancang dan bersepadu.

Sekian, terima kasih.

**NO. AUM : 31 NO.**

**AUP : 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **DATO' NORAINI BINTI AHMAD**

**[ PARIT SULONG ]**

**TARIKH** **14 MAC 2011**

**RUJUKAN** **3365**

**SOALAN:**

**Dato' Noraini binti Ahmad [ Parit Sulong** ] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan konsep creative enforcement atau penguatkuasaan kreatif dafam mensasarkan penurunan kes kemalangan di seluruh negara terutamanya kemalangan maut dan apakah Kementerian bercadang untuk meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan melalui konsep *"creative enforcement"* ini dari masa ke semasa dan bukan hanya dikuatkuasakan semasa musim perayaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Parit Sulong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, konsep Penguatkuasaan Kreatif atau *Creative Enforcement* (dengan izin) merupakan satu pendekatan penguatkuasaan yang dilaksanakan semasa musim perayaan di mana penekanannya adalah untuk memberi kesedaran

kepada pengguna jalan raya supaya lebih mematuhi peraturan laulintas. Konsep Penguatkuasaan Kreatif ini juga merupakan satu strategi yang mula digunapakai oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) sejak tahun 2008.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya kemalangan maut, pihak polis melalui tindakan penguatkuasaan kreatif telah melaksanakan strategi-strategi berikut:-

1) Advokasi (*advocacy)*

- Pihak polis dengan kerjasama agensi Kerajaan yang terlibat seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta pihak swasta seperti PLUS Berhad sentiasa memberi khidmat nasihat

kepada pengguna jalan raya supaya mematuhi peraturan- peraturan lalulintas yang telah ditetapkan. Antaranya seperti memakai topi keledar dengan cara yang betul, memasang tali keledar pada penumpang belakang dan mematuhi had laju yang ditetapkan. Tindakan penguatkuasaan yang tegas diambil ke atas pengguna jalan raya yang enggan mematuhi peraturan lalulintas.

2) Kehadiran Polis (*Omnipresence)*

- Kehadiran polis di jalan raya dan lebuhraya adalah amat diperlukan terutamanya untuk tujuan *fear of crime.* Dengan kehadiran polis pengguna-pengguna jalan raya akan merasa selamat dan selesa semasa memandu kerana keselamatan mereka terjamin. Selain itu, kehadiran polis ini juga akan menimbulkan satu persepsi kepada pemandu-pemandu yang tidak berhemah bahawa mereka sentiasa diperhatikan. Dengan itu, mereka akan memandu mengikut peraturan-peraturan lalulintas seperti yang ditetapkan undang-undang

3) Nasihatwaktu perjalanan *(Time Travel Advisory)*

- Pihak PDRM dengan kerjasama pihak media dan lebuhraya sentiasa menyalurkan maklumat waktu perjalanan yang sesuai supaya pengguna jalan raya dapat merancang perjalanan mereka mengikut keselesaan masing-masing.

4) Penggunaan maklumat (*Intelligence-led)*

- Berdasarkan statistik yang dikumpul dan analisis ke atas *trend*

kemalangan yang berlaku di kawasan hitam, PDRM akan memberi tumpuan di kawasan-kawasan berkenaan dengan mengadakan operasi dan rondaan lebih kerap bagi tujuan mengurangkan berlakunya kemalangan.

5) Kanopi *(Canopy Enforcement)*

- Pihak PDRM turut mendirikan kanopi dan menempatkan anggota trafik secara statik selama 24 jam di 18 lokasi terpilih sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai- Timur (LPT). Strategi ini juga dilaksanakan di jalan-jalan Persekutuan yang telah dikenalpasti sebagai kawasan bahaya dengan kehadiran anggota selama 12 jam pada siang hari.

Tuan Yang DiPertua,

Pendekatan penguatkuasaan kreatif yang dijalankan semasa musim perayaan ini telah menunjukkan keberkesanannya sejak ia dilaksanakan. Purata kadar kematian harian akibat kemalangan maut menunjukkan penurunan dari 17 hingga 18 orang kepada 13 hingga 16 orang sehari sepanjang tempoh Ops Sikap dijalankan.

Pendekatan penguatkuasaan kreatif ini dilaksanakan semasa musim perayaan memandangkan peningkatan kenderaan di atas jalan raya dalam tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, pendekatan ini masih diteruskan dari semasa ke semasa mengikut skala berdasarkan jumlah kenderaan di jalan raya. Pihak PDRM tetap melaksanakan tindakan penguatkuasaan di luar musim perayaan

dengan memberikan tumpuan rondaan dan penguatkuasaan tegas di kawasan kemalangan, memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya dan sentiasa memastikan kelancaran laulintas.

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA** **DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI [ TITIWANGSA ]**

**TARIKH** **14 MAC 2011**

**SOALAN**

**Dr. Lo* Lo' binti Mohamad Ghazali [ Titiwangsa** ] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah benar hospital-hospital Kerajaan mengalami kekurangan jururawat yang kritikal kerana banyak yang berhijrah ke hospital swasta atau ke luar negara serta berapa peratus dari bilangan jururawat yang telah meletak jawatan untuk berhijrah setiap tahun sejak 10 tahun yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhomat, sehingga 31 Disember 2010, terdapat seramai 43,346 orang Jururawat Terlatih yang terdiri daripada pelbagai gred sedang berkhidmat di pelbagai fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan peratus pengisian sebanyak 95.3 peratus daripada 45,495 jawatan. Manakala, seramai

I

36,830 orang Jururawat Terlatih sedang berkhidmat di hospital- hospital di KKM dengan peratus pengisian sebanyak 96.3 peratus daripada 38,

222 jawatan.

Bagi tempoh 2001 sehingga 31 Disember 2010, seramai 106 orang Jururawat Terlatih di KKM telah meletakkan jawatan dengan purata peletakan jawatan sebanyak 10 orang setahun. Jumlah ini, sekiranya dibandingkan dengan bilangan Jururawat Terlatih di KKM pada setiap tahun (tahun 2001 hingga 2010) akan menunjukkan peratus di antara 0.01 hingga 0.07 peratus daripada jumlah keseluruhan Jururawat Terlatih.

Ini menunjukkan bahawa perletakan jawatan Jururawat Terlatih tidak menjejaskan penyampaian perkhidmatan di fasiliti-fasiliti KKM. Oleh hal yang demikian, hospital-hospital di KKM pada masa ini mempunyai jumlah Jururawat Terlatih yang masih mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas kejururawatan di fasiliti-fasiliti yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jururawat Terlatih yang meletakkan jawatan tidak menyatakan secara khusus sebab-sebab perletakkan jawatan untuk berkhidmat di luar negara. Walaubagaimanapun, antara sebab-sebab utama yang dinyatakan termasuklah untuk berkhidmat dengan agensi awam selain KKM, urusan peribadi dan menjaga keluarga.

**Soalan No : 45**

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN

(HULU TERENGGANU)

TARIKH : 14.03.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN [ HULU TERENGGANU ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah pengisian jawatan Pengetua di sekolah-sekolah menengah berasaskan prinsip 'back to back' tidak dilaksanakan sehingga mengganggu pengurusan dan pembelajaran di sekolah-sekolah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk memastikan prinsip pengisian jawatan Pengetua di Sekolah-sekolah Menengah dilaksanakan secara *back to back.* Walau bagaimanapun, atas kekangan yang tidak dapat dielakkan, masih ada cadangan calon untuk pengisian jawatan Pengetua yang diterima setelah kekosongan berlaku selama beberapa bulan. Pihak KPM telah mengambil tindakan-tindakan awal bagi memastikan prinsip ini dilaksanakan sepenuhnya. Di antara tindakan-tindakan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Menyediakan calon-calon yang layak secukupnya bagi mengisi kekosongan jawatan Pengetua; dan

(ii) Mengkaji semula proses kerja dan mekanisme pemantauan pengisian jawatan Pengetua agar adanya penyeragaman dan pematuhan kepada peraturan-peraturan sedia ada oleh semua pihak yang terlibat.

Rjm 13

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**

**PARLIMEN KEDUA BELAS PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** **LISAN**

**DARIPADA** **YB TUAN MANICKAVASAGAM A/L SUNDRAM (KAPAR)**

**TARIKH** **14 MAC 2011 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan maksud Luar Bandar serta kawasan-kawasan yang menerima bantuan Kementerian dan bentuk bantuan yang diperolehi oleh rakyat yang menetap di kawasan perladangan milik syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan.

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Maksud 'Luar Bandar' mengikut definisi Jabatan Perangkaan Malaysia dan Jabatan Perancang Bandar dan Desa ialah 'Kawasan di luar kawasan bandar yang mempunyai penduduk kurang daripada 10,000 orang dengan mempunyai ciri-ciri kawasan pertanian dan sumber alam semula jadi di mana penduduknya tinggal sama ada secara berkelompok, sejajar atau

bertaburan. Lazimnya, kawasan luar bandar adalah terletak di luar daripada kawasan liputan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Secara umumnya, kawasan-kawasan yang menerima bantuan khususnya projek-projek pembangunan fizikal atau infrastruktur asas adalah terletak di dalam kawasan luar bandar sebagaimana takrifan di atas. Namun apabila dilihat dari segi penerima bantuan di bawah Kementerian ini, terdapat juga bantuan diberikan kepada kumpulan sasar yang tinggal dikawasan bandar seperti program-program berbentuk non fizikal melalui program latihan kemahiran, kursus keusahawanan, bantuan Skim Pembiayaan Ekonomi Desa dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi kawasan ladang milik syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan seperti Felcra Berhad, atau FELDA, KKLW turut menyediakan kemudahan prasarana asas seperti program bekalan elektrik, bekalan air bersih dan jalan kampung kepada penduduk- penduduk yang tinggal di kawasan berkenaan. Di samping itu juga, pekerja-pekerja ladang berkenaan boleh mendapat bantuan KKLW yang lain seperti mengikuti kursus-kursus kemahiran, Program Bantuan Rumah (PBR) dan sebagainya mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

NO. SOALAN :

47 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DATO' IBRAHIM BIN ALI [ PASIR MAS ] |
| TARIKH | 14 MAC 2011 (ISNIN) |

SOALAN

Dato' Ibrahim bin Ali [ Pasir Mas ] minta PERDANA MENTERI menyatakan menjelaskan apakah TERAJU yang berfungsi sebagai sekretariat kepada Majlis Tindakan Agenda Ekonomi Bumiputera mempunyai kuasa dan modus operandi sama taraf dengan PEMANDU.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang telah dilancarkan pada 8 Februari 2011 adalah satu unit yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM). TERAJU akan melapor secara terus kepada Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Dalam hal ini, TERAJU akan berfungsi sebagai urusetia tetap dan sepenuh masa bagi melaksanakan semua arahan MTAB.

Peranan serta pendekatan TERAJU dalam melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi Bumiputera adalah mirip kepada peranan serta pendekatan Unit Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) dalam menjalankan Program Transformasi Ekonomi Negara. Bidangkuasa TERAJU dari segi perlaksanaan dan pemantauan juga mirip kepada bidangkuasa PEMANDU.

Walau bagaimanapun, perbezaan ketara di antara kedua-dua Unit adalah dari segi mekanisme pelaporan iaitu PEMANDU melapor terus kepada Jemaah Menteri, manakala TERAJU melapur terus kepada MTAB yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

**SOALAN NO.: 48**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE [TENGGARA] |
| TARIKH | 14 MAC 2011 (ISNIN) |

SOALAN:

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [ Tenggara ] minta PERDANA MENTERI
menyatakan sasaran pencapaian dan hasil oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) yang ditubuhkan di bawah Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MYAB) dalam lima bidang keutamaannya serta nyatakan impak penubuhan TERAJU dalam memperkukuhkan ekonomi Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) telah dilancarkan pada 8 Februari 2011 dan adalah terlalu awal untuk memperkatakan tentang sasaran, hasil atau prestasi TERAJU berdasarkan lima bidang keutamaannya. Walau bagaimanapun, TERAJU kini giat mengadakan perundingan dengan pelbagai pihak termasuk kementerian dan agensi Kerajaan dalam merangka agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera.
Buat masa ini, TERAJU terlibat serta aktif dalam makmal Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI), Model Baru Ekonomi yang dianjurkan oleh Unit Pelaksanaan dan Pengurusan Prestasi (PEMANDU) bagi membincang isu pengurangan jurang ketidaksamaan dan pembangunan enterpris kecil dan sederhana Bumiputera. Pada masa yang sama, TERAJU sedang merancang untuk menganjurkan makmalnya yang pertama yang secara khusus akan mengenalpasti beberapa pendekatan serta strategi untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam *Entry*

*Point Project* (EPP), beberapa sektor Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

**No. Soalan : 50**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN HAJI NASHARUDIN BINMAT ISA [BACHOK ]

TARIKH 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [ Bachok ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sasaran yang diletakkan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) bagi meningkatkan penguatkuasaan ekuiti golongan Bumiputera dalam negara yang kini menjangkau 18 peratus sahaja.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk meningkat pemilikan dan penguasaan ekuiti Bumiputera, pelbagai inisiatif dan strategi akan dilaksanakan oleh TERAJU. Antara strategi utama yang akan diberi penekanan adalah memperkukuhkan pelaksanaan Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJB) dengan sasaran minimum sejumlah RM2 bilion modal pasaran. Melalui SJJB, langkah akan diambil untuk membantu mempercepatkan bilangan syarikat Bumiputera yang berkelayakkan untuk disenaraikan di Bursa Malaysia.

Disamping itu, TERAJU kini giat merancang untuk mengendalikan makmal Bumiputera untuk mengenalpasti beberapa inisiatif serta strategi baru bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera di dalam *Entry Point Project* (EPP), terutamanya di kalangan enterpris kecil dan sederhana (SME). Makmal ini juga bertujuan menilai tahap sokongan institusi berkaitan dalam memperkukuhkan kapasiti dan tahap kecekapan SME Bumiputera, terutamanya dari segi pemilikan ekuiti dan daya saing untuk meningkatkan

penyertaan mereka di dalam pasaran domestik dan global.

**No. Soalan : 52**
**PEMBERITAHUA**
**N PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD |
| TARIKH | 14 MAC 2011 (ISNIN) |

SOALAN

Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah justifikasi kos sebanyak RM36 bilion untuk sistem MRT.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Angka RM36 bilion yang sering dinyatakan sebagai kos untuk projek Mass Rapid Transit Lembah Kelang adalah anggaran kos untuk pembinaan tiga jajaran MRT yang dicadangkan oleh MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd. Cadangan MMC-Gamuda JV tersebut telah dikemukakan kepada Kerajaan pada awal tahun 2010.

Jumlah keseluruhan projek MRT Lembah Kelang yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan jajaran Sungai Buloh-Kajang yang akan dilancarkan sebagai fasa pertama projek tersebut masih di

dalam peringkat penilaian rekabentuk asas (baseline design review) dan proses memuktamadkan ’’Employer’s Requirements”. Disamping itu, keputusan akhir jajaran setelah semua maklumbalas diterima dan diproses selepas pameran awam yang sedang berlangsung sekarang sehingga 14 Mei 2011 juga akan memainkan peranan di dalam proses menentukan kos projek MRT. Anggaran yang lebih tepat dijangka akan diketahui menjelang bulan Mei iaitu setelah semua elemen-elemen kos diambilkira dan dimuktamadkan.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW

TARIKH : 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah-langkah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk memastikan teksi-teksi menggunakan sistem meter dan kupon.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini, perkhidmatan teksi yang ditawarkan kepada pengguna adalah berdasarkan meter atau

menggunakan sistem berkupon. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) mengakui sebahagian kecil pemandu teksi sering mengambil kesempatan ke atas penumpang dengan tidak menggunakan meter dan mengenakan tambang lebih. Sehubungan itu, SPAD telah mengatur pelbagai langkah bagi dilaksanakan dalam menambahbaik dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan awam terutama teksi seperti:

i. Mewajibkan semua teksi menampal makluman penggunaan meter beresit dan mempamerkan senarai kesalahan di dalam kenderaan untuk makluman penumpang;

ii. Memperkenalkan perkhidmatan kaunter teksi di kawasan tumpuan orang ramai di mana setiap teksi yang disewa perlu menggunakan meter;

iii. Mempergiatkan aktiviti penguatkuasaan dengan memberi tumpuan kepada pemandu teksi yang enggan menggunakan meter serta mengenakan tambang lebih terutama di kawasan-kawasan panas seperti di Bukit Bintang dan Kuala Lumpur City Centre (KLCC);

iv. Bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dalam aktiviti penguatkuasaan.

Sekian. Terima kasih.

<u>PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT</u>

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA : Y.B. PROF. RAMASAMY A/L PAL AN IS AMY

(BATU KAWAN)

TARIKH : 14 MAC 2011

SOALAN:

DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ] minta PERDANA MENTERI menyatakan siapakah yang bertanggungjawab sama ada Ketua Menteri Pulau Pinang yang terdahulu ataupun UDA di atas kerugian sebanyak RM30 juta yang dialami Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang melalui projek joint venture untuk membangunkan Pulau Jerejak dan apakah tindakan siasatan yang diambil oleh pihak berkuasa.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMEP NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Y.B. Batu Kawan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hanya menjalankan siasatan sekiranya terdapat unsur-unsur kesalahan di bawah bidang kuasa Suruhanjaya. Siasatan kes-kes rasuah yang dibuat oleh SPRM adalah berlandaskan undang- undang dan

memerlukan beban pembuktian yang cukup kukuh sehingga mencapai tahap *beyond reasonable doubt* (dengan izin). Ini kerana penyiasatan sesuatu kes itu menjurus kepada *ingredient* (dengan izin) kesalahan yang melibatkan keterangan saksi, dokumen dan Iain-lain bukti yang mampu menyokong kes tersebut.

Sekian, terima kasih.

*No-£2>*

PEMBER1TAHU

PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT, MALAYSIA

| | | |
|---|---|---|
| PERTANYAAN | : | LISAN |
| DARIPADA | : | TUAN LIM GUAN ENG |

TARIKH : 14.3.2011 (ISNIN)

NO. SOALAN *53*

| | | TE IAN | NTERA GGOTA) | 1 (A | 0LIS GGOTA) | LUAR NEGARA | | JUMLAH | TENTERA (ANGGOTA) | | POLIS (ANGGOTA) | | LUAR NEGARA | | JUMLAH |
| | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BAR U | T/ALAMAT | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BAR U | T/ALAMAT | |
| ## | P. 162 GELANGPATAH | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 2 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 |
| ## | P. 163 KULAI | 0 | 0 | 25 | 20 | 0 | 0 | 45 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 164 PONTIAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 | 3 | 0 | 0 | 14 |
| ## | P. 165 TANJONG PIAI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 39 | 10 | 0 | 0 | 49 |
| ## | P. 166 LABUAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 216 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 217 |
| ## | P. 167 KUDAT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 168 KOTAMARUDU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 169 KOTA BELUD | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 | 12 |
| ## | P. 170 TUARAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 171 SEPANGGAR | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 250 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 250 |
| ## | P. 172 KOTA KINABALU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 15 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 16 |
| ## | P. 173 PUTATAN | 28 | 32 | 0 | 0 | 0 | 0 | 60 | 213 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 227 |
| ## | P. 174 PENAMPANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 |
| ## | P. 175 PAPAR | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 176 KIMANIS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 177 BEAUFORT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 178 SIPITANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.179 RANAU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.180 KENINGAU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.181 TENOM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.182 PENSIANGAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.183 BELURAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P. 184 LIBARAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 39 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 40 |

## Jadual 1

## STATISTIK PENDAFTARAN BARU DAN TUKAR ALAMAT BAGI PENGUNDI POS MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN SELURUH MALAYS

| BIL | BAHAGIAN PILIHAN RAYA | 2009 | | | | | | | 2010 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TENTERA (ANGGOTA) | | F (A | >OLIS GGOTA) | LUAR NEGARA | | JUMLAH | TENTERA (ANGGOTA) | | POLIS (ANGGOTA) | | LUAR NEGARA | | JUMLAH |
| | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | |
| ## | P. 185 BATUSAPI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 93 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 93 |
| ## | P. 186 SANDAKAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 10 |
| ## | P. 187 KINABATANGAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.188 SILAM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.189 SEMPORNA | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 18 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 18 |
| ## | P. 190 TAWAU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 24 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 24 |
| ## | P. 191 KALABAKAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 101 | 12 | 0 | 0 | 0 | 0 | 113 |
| ## | P. 192 MASGADING | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.193 SANTUBONG | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 8 | 5 | 8 | 0 | 0 | 21 |
| ## | P. 194 PETRA JAYA | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 33 | 78 | 0 | 0 | 111 |
| ## | P. 195 BANDAR KUCHING | 4 | 9 | 12 | 8 | 0 | 0 | 33 | 68 | 280 | 42 | 44 | 0 | 0 | 434 |
| ## | P. 196 STAMPIN | 39 | 48 | 4 | 19 | 0 | 0 | 110 | 134 | 89 | 28 | 41 | 0 | 0 | 292 |
| ## | P. 197 KOTA SAMARAHAN | 38 | 46 | 0 | 2 | 0 | 0 | 86 | 252 | 938 | 2 | 4 | 0 | 0 | 1,196 |
| ## | P.198 MAMBONG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 |
| ## | P. 199 SERIAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.200 BATANGSADONG | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 7 | 5 | 0 | 0 | 12 |
| ## | P.201 BATANGLUPAR | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.202 SRIAMAN | 0 | 0 | 7 | 1 | 0 | 0 | 8 | 79 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 80 |
| ## | P.203 LUBOKANTU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.204 BETONG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 13 | 18 | 0 | 0 | 31 |
| ## | P.205 SARATOK | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 2 | 0 | 0 | 10 | 16 | 0 | 0 | 26 |
| ## | P.206 TANJONG MANIS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.207 IGAN | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |

## Jadual 1

### STATISTIK PENDAFTARAN BARU DAN TUKAR ALAMAT BAGI PENGUNDI POS MENGIKUT KAWASAN PARLIMEN SELURUH MALAYS

| BIL | BAHAGIAN PILIHAN RAYA | 2009 | | | | | | | 2010 | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | TENTERA (ANGGOTA) | | I ³0LIS (A GGOTA) | | LUAR NEGARA | | JUMLAH | TENTERA (ANGGOTA) | | POLIS (ANGGOTA) | | LUAR NEGARA | | JUMLAH |
| | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BAR U | T/ALAMAT | | BARU | T/ALAMAT | BARU | T/ALAMAT | BAR U | T/ALAMAT | |
| ## | P.208 SARIKEI | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 6 | 24 | 0 | 0 | 30 |
| ## | P.209 JULAU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 7 | 0 | 0 | 11 |
| ## | P.210 KANOWIT | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 2 | 2 | 0 | 0 | 4 |
| ## | P.211 LANANG | 0 | 0 | 5 | 3 | 0 | 0 | 8 | 0 | 0 | 3 | 4 | 0 | 0 | 7 |
| ## | P.212 SIBU | 18 | 29 | 36 | 41 | 0 | 0 | 124 | 221 | 630 | 24 | 38 | 0 | 0 | 913 |
| ## | P.213 MUKAH | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 11 | 15 | 0 | 0 | 26 |
| ## | P.214 SELANGAU | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 4 | 0 | 0 | 0 | 4 |
| ## | P.215 KAPIT | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 10 | 0 | 0 | 11 |
| ## | P.216 HULURAJANG | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 5 | 0 | 0 | 7 |
| ## | P.217 BINTULU | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 1 | 0 | 0 | 2 |
| ## | P.218 SIBUTI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.219 MIRI | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 84 | 46 | 0 | 0 | 0 | 0 | 130 |
| ## | P.220 BARAM | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 8 | 1 | 0 | 0 | 9 |
| ## | P.221 LIMBANG | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| ## | P.222 LAWAS | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 9 | 0 | 0 | 13 |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 296 | 787 | 889 | 1,089 | 0 | 0 | 3,061 | 13,265 | 3,025 | 3,027 | 2,822 | 10 | 1 | 22,150 |

**SOALAN NO: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO’ SRI LIOW TIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO’ NGEH KOO HAM
[BERUAS]

TARIKH 14 MAC 2011

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah pesakit buah pinggang di daerah Manjung dan jumlah di seluruh Negara dengan pecahan mengikut setiap negeri. Adakah kes penyakit buah pinggang lebih tinggi di kawasan Pantai Remis dalam daerah Manjung dan kenapa.

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan penyakit buah pinggang adalah amat ketara di negara-negara membangun. Di Malaysia, adalah didapati jumlah pesakit yang mengalami kegagalan fungsi buah pinggang yang menjalani rawatan dialisis adalah sentiasa meningkat setiap tahun. Data dari *National Renal Registry* menunjukkan peningkatan jumlah pesakit dialisis baru dari 1,855 orang pada tahun 2000 kepada 4,146 orang pada tahun 2009. Dengan itu, jumlah pesakit yang menerima rawatan dialisis telah meningkat dari 6,689 pada tahun 2000 kepada 21,543 pada akhir tahun 2009. Empat (4) negeri yang mencatatkan bilangan jumlah tertinggi adalah Selangor & Putrajaya (4024), Johor (3593), WP Kuala Lumpur (2336) dan Negeri Perak ( 2210 ).

Maklumat dari Jabatan Kesihatan Negeri Perak mendapati jumlah pesakit yang sedang menjalani rawatan dialisis di Perak adalah meningkat kepada 2256 orang untuk tahun 2010. Daerah Kinta mempunyai seramai 916 pesakit diikuti Daerah Larut Matang Selama (342) dan Daerah Manjung (231).

Kementerian Kesihatan tidak mempunyai rekod berkaitan jumlah pesakit buah pinggang di setiap lokaliti di semua daerah-daerah di seluruh Malaysia termasuklah di Daerah Manjung. Walaubagaimana pun, setakat ini tiada sebarang laporan kejadian yang menunjukkan kes pesakit buah pinggang di Pantai Remis lebih banyak berbanding dengan lokaliti lain di dalam Daerah Manjung.

Tren peningkatan bilangan kes penyakit buah pinggang di Daerah Manjung adalah sama juga dengan tempat-tempat lain di Malaysia iaitu berkaitan dengan penyakit kardiovaskular seperti kencing manis, darah tinggi dan obesiti. Malaysia dikenalpasti sebagai negara yang mempunyai peratusan yang paling tinggi di dunia di mana punca utama penyakit buah pinggang adalah penyakit kencing manis atau diabetes. Peningkatan ketara penyakit kencing manis dan darah tinggi sebagai penyumbang utama penyakit buah pinggang amatlah membimbangkan kerana penyakit-penyakit ini berkaitan dengan gaya hidup yang boleh dikawal dan dicegahi. Oleh itu Kementerian Kesihatan akan melaksanakan Pelan Strategik Kebangsaan Penyakit Tidak Berjangkit yang telah diluluskan oleh Kabinet mulai tahun ini bagi menanggani

SOALAN NO.:

masalah ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHOW KON YEOW

KAWASAN : TANJONG

TARIKH : 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta MENTERI KER]A RAYA menyatakan bilakah peruntukan garis panduan SI RIM MS 1331 ***(Code of Practice for Access of Disabled Persons Outside Buildings)*** (1993) akan digabungkan ke dalam Arahan Teknik JKR.

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jabatan Kerja Raya (JKR) sememangnya mengambil maklum mengenai keperluan penyediaan aksesibiliti kepada Orang Kurang Upaya di premis-premis Kerajaan sebagaimana digariskan dalam SIRIM MS 1331 ***(Code of Practice for*** Access of ***Disabled Persons Outside Buildings)*** (2003). Ini termasuk

JAWAPAN:

memastikan reka bentuk bangunan-bangunan baru Kerajaan turut mengambil kira kemudahan seperti penyediaan laluan khas pejalan kaki, parkir kenderaan dan tandas bagi pengguna OKU yang berkerusi roda dan cacat penglihatan.

Sehubungan itu, Nota Teknik Jalan bil. 18/97 mengenai Garis Panduan Asas Kemudahan Pejalan Kaki telah dipinda oleh JKR dengan kerjasama Road Engineering Association Of Malaysia (REAM) dan ia dijangka akan diterbitkan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini. Di samping itu, pada masa yang sama juga Garis Panduan SIRIM MSI331 juga telah sedia dimasukkan dalam Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada tahun 2005. JKR juga sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat untuk memastikan kemudahan untuk OKU tidak diabaikan dalam pembinaan bangunan-bangunan baru milik Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR**

TARIKH **14 MAC 2011**

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kes-kes saman di mahkamah oleh peneroka terhadap FELDA dan keputusan mahkamah serta implikasi kewangannya kepada FELDA.

JAWAPAN **DATUK HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN TIMBALAN MENTERI DI JPM**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga Februari 2011, FELDA telah menerima sebanyak 18 kes saman daripada peneroka. Daripada bilangan ini, 12 kes telah diselesaikan dan diputuskan oleh Mahkamah. Hanya satu (1) kes sahaja iaitu tuntutan peneroka Kemahang yang tidak memihak kepada FELDA. Kes ini ialah mengenai tuntutan penggredan jualan sawit di Kemahang 3 dengan tuntutan berjumlah RM11.3 juta dan telahpun dilunaskan kepada peneroka yang terlibat. Keputusan tidak

menyebelahi FELDA disebabkan masalah teknikal kerana pada hari perbicaraan berkaitan, peguambela FELDA tidak hadir. Manakala kes-kes selebihnya adalah memihak kepada FELDA, dua (2) kes penyelesaian luar Mahkamah dan dua (2) kes dibatalkan.

Terdapat enam (6) kes yang masih belum selesai perbicaraan iaitu mengenai tuntutan terhadap kadar perahan minyak sebanyak dua (2) kes, tuntutan pemulangan wang tabung tanam semula sebanyak dua (2) kes, tuntutan deklarasi proses tender dan penerimaan harga di dalam tender bagi penebangan kayu-kayu getah peneroka sebanyak satu (1) kes dan satu (1) kes mengenai tuntutan penyingkiran peneroka. Anggaran nilai tuntutan bagi kes yang belum selesai ialah sejumlah RM90 juta. Ini adalah anggaran jika FELDA kalah. Namun, FELDA sentiasa berusaha untuk memenangi segala kes berkaitan yang dibawa ke Mahkamah.

OOOOOOOOOOOOGOOO00

NO. AUP : Jf

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [ KELANA JAYA ] .

TARIKH 14 MAC 2011

**JAWAPAN:**

RUJUKAN 3367

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh [ Kelana Jaya ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan perangkaan kes rasuah polis pada tahun 2010 sehingga Februari 2011 mengikut kategori, kes gangguan seksual yang dilakukan oleh Polis mengikut jantina dan tindakan yang telah diambil terhadap anggota polis daripada kejadian tersebut.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kelana Jaya yang telah mengemukakan Soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat seramai 251 orang pegawai dan anggota polis yang terlibat dalam kes rasuah sepanjang tahun 2010 sehingga bulan Februari 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai 78 orang di tangkap oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dimana 2 orang sedang dibicarakan di mahkamah manakala baki seramai 68 orang masih dalam siasatan lanjut sebelum didakwa di mahkamah. SPRM juga telah merujuk seramai 103 orang pegawai dan anggota polis yang disyaki terlibat

**JAWAPAN:**

dalam kes rasuah untuk diambil tindakan tatatertib oleh PDRM.

Tuan Yang Dipertua,

Seramai 3 orang pegawai dan anggota polis lelaki terlibat dengan kes gangguan seksual sepanjang tahun 2010 sehingga Februari 2011. Ketiga- tiga mereka telah diambil tindakan di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mencabul kehormatan dan akan dituduh di mahkamah.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

STATISTIK KES RASUAH POLIS PADA TAHUN 2008 SEHINGGA 2010

| **BIL.** | **JENIS TANGKAPAN ?** | **TAHUN ;** | | | **JUMLAH** |
|---|---|---|---|---|---|
| | | **2008** | **2009** | 2010 | |
| 1. | Kes tangkapan oleh SPRM | 116 | 74 | 78 | **268** |
| **2.** | Di bicara di mahkamah | **20** | 14 | **2** | 36 |
| 3. | Belum di dakwa di mahkamah | 66 | 46 | 68 | **180** |
| 4. | Dirujuk kepada PDRM untuk tindakan tatatertib | | | | |
| | 4.1. Kes selesai | 58 | 35 | 17 | 110 |
| | 4.2. Kes belum selesai | 34 | 44 | 86 | **164** |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | | **294** | **213** | **251** | **758** |

SOALAN NO: 60

STATISTIK KES GANGGUAN SEKSUAL POLIS BAGI TAHUN 2008 SEHINGGA 2010

| BIL. | | j\|pPi | 2009 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Lelaki | **0** | 1 | **3** | **4** |
| **2.** | Wanita | **0** | **0** | **0** | **0** |
| **JUMLAH** | | **0** | **1** | **3** | **4** |

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

| | |
|---|---|
| PERTANYAAN | JAWAB LISAN |
| DARIPADA | Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] |
| TARIKH | 14 MAC 2011 (ISNIN) |
| SOALAN | Dato' Paduka Abu Bakar Bin Taib [Langkawi] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah kedudukan Projek Pendaratan Ikan Tuna di Batu Maung. |
| JAWAPAN OLEH | Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI |

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak 12 Jun 2010, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah mengambil alih secara sementara operasi Pelabuhan Perikanan Tuna Antarabangsa di Batu Maung, Pulau Pinang. Langkah ini diambil setelah didapati syarikat konsesi iaitu Malaysian International Tuna Port Sdn. Bhd. tidak mampu meneruskan pengoperasian pelabuhan tersebut. Pada masa ini, Kerajaan sedang menimbangkan tindakan yang terbaik bagi membolehkan operasi pelabuhan diteruskan.

SOALAN NO: 62

PERTANYAAN DARIPADA TARIKH

LISAN
TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] 14
MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah pampasan yang dibayar oleh Kerajaan atau imbuhan lain yang ditawarkan kepada semua syarikat konsesi lebuh raya termasuk PLUS kesan daripada keputusan Kerajaan tidak menaikkan kadar tol untuk 5 tahun akan datang.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penangguhan kenaikan kadar tol bagi tempoh 5 tahun akan datang yang diumumkan oleh pihak Kerajaan tidak melibatkan kesemua lebuh raya bertol yang sedang beroperasi, sebaliknya ia hanya melibatkan lebuh raya-lebuh raya yang dimiliki oleh PLUS Expressways Berhad, lebuh raya-lebuh raya yang dimiliki oleh MTD Capital Berhad dan Lebuh raya Baru Pantai (New Pantai Expressway NPE) iaitu bagi Plaza Tol PJS 2 (arah Subang).

Pengumuman penangguhan kenaikan kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya yang dimiliki oleh PLUS Expressways Berhad sebagaimana yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri dalam pembentangan bajet 2011 pada 15 Oktober 2010 adalah selaras dengan cadangan penstrukturan semula kadar tol bagi lebuh raya-lebuh raya tersebut yang akan dibincangkan dengan pihak UEM Group Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang telah mengambil alih PLUS Expressways Berhad baru-baru ini. Manakala pengumuman penangguhan kadar tol bagi lebuh raya yang dimiliki oleh MTD Capital Berhad pula adalah selaras dengan cadangan penstrukturan semula kadar tol lebuh raya-lebuh raya tersebut dengan pihak syarikat.

Pengumuman mengenai pengurangan kadar tol di Plaza Tol PJS 2 (arah Subang) lebuh raya NPE bagi kenderaan kelas 1 daripada RM1.60 kepada RM1.00 untuk tempoh lima tahun pula adalah salah satu usaha dan inisiatif Kerajaan bagi mengurangkan beban pengguna di plaza tol tersebut. Keputusan Kerajaan untuk mengurangkan kadar tol di plaza tol ini memberi implikasi kewangan kepada Kerajaan yang dianggarkan sebanyak RM90 juta untuk 5 tahun dalam bentuk pampasan kepada syarikat konsesi kerana hanya membenarkan syarikat konsesi mengutip RM1.00 daripada pengguna kenderaan kelas 1 berbanding kadar tol yang dipersetujui dalam perjanjian konsesi.

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TAN AH ENG [GELANG PATAH]

**SOALAN NO: 62**

TARIKH : 14 MAC 2011

SOALAN

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan

(a) langkah-langkah untuk memastikan projek pembangunan tidak menjejas dan mencemarkan kejernihan sungai; dan

(b) langkah-langkah untuk memberatkan hukuman kepada kontraktor yang mencemarkan sungai khasnya di Sungai Melayu, Gelang Patah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil untuk memastikan projek pembangunan tidak menjejas dan mencemarkan kejernihan sungai adalah seperti berikut:-

(i) Memastikan setiap projek pembangunan yang tertakluk kepada keperluan penilaian kesan kepada alam sekeliling *(EIA - Environmental Impact Assessment)* menjalankan kajian *EIA* dan mengemukakan laporannya kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Semua impak dari projek pembangunan tersebut hendaklah dikenalpasti dan langkah-langkah pencegahan dan kawalan

pencemaran disediakan oleh pihak pemaju projek. Laporan *EIA* hanya akan diluluskan sekiranya semua impak dikenalpasti dan langkah-langkah kawalan mencukupi. Dalam hubungan ini, projek- projek pembangunan tersebut tidak boleh dimulakan sebelum laporan *EIA* diluluskan. Semasa projek pembangunan dijalankan, pemaju projek dikehendaki mematuhi semua syarat kelulusan laporan *EIA* tersebut termasuk melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan kawalan pencemaran;

(ii) Mempertingkatkan penguatkuasaan supaya pelaksanaan projek- projek pembangunan ini sentiasa patuh kepada kehendak peraturan-peraturan alam sekitar yang berkuatkuasa serta garispanduan-garispanduan yang memperincikan langkah-langkah kawalan pencemaran yang perlu digunapakai oleh pemaju-pemaju projek bagi meminimakan pelepasan buangan ke udara, air dan tanah. Bahan pencemar yang menyebabkan air jernih menjadi keruh adalah kelodak atau pepejal terampai. Bahan pencemar ini lazimnya terhasil akibat aktiviti kerja tanah atau pembukaan tanah tanpa kawalan. Satu garispanduan khusus bagi kawalan hakisan dan kelodak telah disediakan oleh pihak JAS untuk tujuan mengawal aktiviti kerjatanah ini; dan

(iii) Bagi projek-projek pembangunan yang tidak tertakluk kepada keperluan *EIA,* pihak JAS telah dan akan terus meningkatkan kerjasama dengan pihak-pihak berkuasa tempatan dalam mengawal masalah hakisan dan kelodakan melalui syarat-syarat kelulusan projek pembangunan yang dikeluarkan oleh pihak-pihak berkuasa tempatan masing-masing. Berkaitan dengan ini juga, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bertindak memberi khidmat nasihat dari segi penggunaan Manual Saliran Mesra Alam (MASMA).

(b) Mengenai kes pencemaran Sungai Melayu, Gelang Patah berkaitan dengan projek pembinaan Lebuhraya Pesisir Pantai dari Johor Bahru ke Nusajaya, Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan-tindakan berikut ke atas kontraktorterbabit:

(i) Telah mengeluarkan enam (9) Notis Arahan di bawah Seksyen 31

dan 37, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 ke atas penggerak projek dari tahun 2009 hingga 2011 supaya menyediakan langkah-langkah kawalan hakisan dan kelodakan di kawasan kerja;

(ii) Mengambil tindakan mahkamah ke atas kesalahan di bawah Seksyen 31 (1), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kerana tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan; dan

(iii) Sekiranya kesalahan masih dilakukan berulang-kali, syor dibuat kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenakan perintah memberhentikan kerja kepada kontraktor terlibat.

Sekian, terima kasih.

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

**TARIKH 14 MAC 2011**

**SOALAN**

**SOALAN NO. 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOWTIONG LAI**
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jangkaan pihak IMR terhadap bilangan nyamuk *Aedes* GM yang harus dilepaskan di bandar sebesar Sg Siput untuk mengurangkan bilangan *Aedes* di bandar itu. Berapa kalikah pelepasan nyamuk GM harus diulangi dalam setahun untuk terus mengawal bilangan nyamuk *Aedes* di bandar itu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, pihak IMR masih di peringkat fasa awal kajian biologi nyamuk *Aedes* GM dan banyak lagi kajian di lapangan yang harus dijalankan sebelum menentukan bilangan pelepasan dan jumlah nyamuk jantan *Aedes* GM *(Aedes aegypti* 0X513A strain) yang harus dilepaskan di bandar sebesar Sg Siput untuk mengurangkan denggi.

**NO. SOALAN : 64**

**PERTANYAAN : LISAN DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 14 Mac 2011**

**SOALAN Dr. Mohd Hatta bln Md Ramli [ Kuala Krai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) jumlah kerugian yang ditanggung mengikut negeri akibat banjir pada hujung 2010 dan awal 2011 di Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor; dan

(b) jumlah rakyat terlibat yang dipindahkan semasa banjir di negeri-negeri berkenaan.

**Jawapan ;**

Tuan Yang Dipertua,

(a) Bagi kerosakan pertanian, jumlah anggaran kerugian yang ditanggung akibat banjir pada hujung 2010 mengikut negeri adalah seperti berikut:

| NEGERI | ANGGARAN KERUGIAN (RM) |
|---|---|
| Kelantan | 720,200 |
| Kedah | 8,045,241 |
| Perlis | 2,488,093 |
| MADA | 282,296 |
| KADA | 11,884,375 |
| **JUMLAH** | **196,422,795** |

Jumlah anggaran kerugian pertanian yang ditanggung mengikut negeri akibat banjir pada awal 2011 di Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Kelantan pula adalah seperti berikut:

| NEGERI | ANGGARAN KERUGIAN CRM) |
|---|---|
| PAHANG | 2,733,460 |
| NEGERI SEMBILAN | 3,643,112 |
| MELAKA | 3,028,986 |
| JOHOR | 36,274,241 |
| KELANTAN | 95,325 |
| **JUMLAH** | **45,775,124** |

Bagi kerosakan infrastruktur pula, kadar kerosakan ke atas jalan persekutuan, jalan negeri dan cerun ditaksirkan sebanyak RM205,236,888.98 seperti butiran berikut:

| NEGERI | TAKSIRAN KERUGIAN (RM) | |
|---|---|---|
| | **PERSEKUTUAN** | **NEGERI** |
| KEDAH | 7,878,150.00 | 9,486,655.50 |
| PERLIS | 13,534,500.00 | 21,126,000.00 |
| JOHOR | 59,564,952.25 | 950,000.00 |
| MELAKA | 1,900,000.00 | 14,620,000.00 |
| NEGERI SEMBILAN | 35,720,181.23 | - |
| PAHANG | 11,600,000.00 | 5,000,000.00 |
| KELANTAN | 13,855,950.00 | 10,000,500.00 |
| SABAH | - | - |
| SARAWAK | - | - |
| **JUMLAH** | **144,053,733.48** | **61,183,155.50** |
| **JUMLAH BESAR** | **205,236,888.98** | |

**b) Jumlah rakyat yang dipindahkan mengikut bilangan keluarga adalah seperti berikut:**

| Bil | Negeri | Keluarga |
|---|---|---|
| **1** | Kedah | 30,948 |
| **2** | Perlis | 16,547 |
| **3** | Terengganu | 1,402 |
| **4** | Kelantan | 141 |
| **5** | Sabah | 70 |
| **6** | Melaka | 21 |
| ***7*** | Johor | 104 |
| **8** | Pahang | 463 |
| | **JUMLAH** | **49,696** |

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN :JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH

(KUANTAN)

TARIKH 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

YB Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilakah Bajet Peka Gender (GRB-Gender Responsive Budget) akan dilaksanakan di Malaysia dalam erti kata yang

sebenar.
JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Ke arah pelaksanaan bajet gender, Kementerian Kewangan telah meminta semua kementerian/agensi untuk menyedia dan mengumpul data mengikut pecahan jantina bagi membolehkan perspektif gender dapat diketengahkan dalam penggubalan dasar dan pelan tindakan serta perancangan program dan intervensi yang lebih berkesan di peringkat kementerian/agensi. Arahan ini terkandung dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2011 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2012 dan 2013 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan pada 14 Januari 2011.

Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

telah dipertanggungjawabkan sebagai *focal point* untuk memastikan data-data berkaitan gender boleh diperolehi daripada kementerian/agensi pada setiap masa. KPWKM yakin dengan arahan ini pelaksanaan bajet gender dapat dilaksanakan oleh semua kementerian/agensi bermula dengan penyediaan anggaran perbelanjaan untuk tahun 2012 dan 2013. Sehubungan itu, bagi membantu meningkatkan kemahiran pegawai di setiap kementerian/agensi dalam menyediakan bajet gender, kursus bajet gender terus dipergiatkan dengan mengadakan Kursus Bajet Gender kepada Timbalan Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Pengarah yang telah dilantik sebagai *Gender Focal*

*Point* (GFP) pada 25 Ogos 2010 serta pegawai yang terlibat dalam penyediaan bajet di kementerian/agensi masing-masing.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B. TUAN AMRAN BIN AB GHANI
[ TANAH MERAH ]

TARIKH 14 MAC 2011

SOALAN:

Tuan Amran bin Ab Ghani minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah rasionalnya bayaran bantahan RM10.00 satu daftar pemilih SPR yang diterima bantahannya serta jumlah terkumpul wang tersebut semenjak ia terlaksana dan nyatakan status penggunaan dakwat kekal dalam PRU-13 oleh SPR.

**NO.SOALAN: 66**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rasional penetapan bayaran fi sebanyak sepuluh ringgit dilaksanakan kerana jumlah tersebut merupakan perkara dasar selaras dengan peraturan 15, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan jumlah tersebut adalah satu jumlah yang munasabah kepada pembantah yang membantah kemasukan pemilih dalam Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) yang dipamerkan setiap suku tahun. Siasatan awam dilaksanakan setelah bantahan diterima mengikut peraturan 17, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002. Sehubungan dengan itu, segala perbelanjaan diperlukan bagi melaksanakan siasatan awam antaranya seperti berikut:

(i) perbelanjaan pentadbiran seperti percetakan dan pemprosesan Borang C (Borang Tuntutan)

(ii) perbelanjaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia dalam mengeluarkan surat pemakluman bantahan kepada pembantah dan Orang Kena Bantah (OKB).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, jumlah bayaran bantahan yang diterima Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia pada tahun 2010 ialah sebanyak satu ribu satu ratus dan tiga puluh tujuh ringgit (RM1137.00) dan jumlah tersebut dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam akaun hasil disatukan di bawah Kerajaan Persekutuan. SPR juga tidak bercadang untuk menimbang semula kaedah penggunaan 'indelible ink' pada hari mengundi semasa Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) kerana ia dianggap tidak lagi sesuai untuk digunakan. Namun demikian SPR sedang berusaha mencari kaedah baru yang lebih moden dan boleh diterima oleh semua pihak. Pada masa ini SPR sedang meneliti dan mengkaji penggunaan 'biometrik' yang dirasakan sesuai untuk digunakan bagi tujuan pilihan raya. Namun demikian ia masih lagi di peringkat penelitian yang belum diputuskan kerana perlu melihat dari pelbagai sudut sebelum dimuktamadkan Sekian, terima kasih.

**Soalan No : 67**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | | |
|---|---|---|
| DARIPADA ANYAAN | PE RT | LISAN |
| | | Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH (DUNGUN) |
| TARIKH | | 14.03.2010 |

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI MATULIDI BIN HAJI JUSOH [ DUNGUN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan punca buku teks Bahasa Inggeris Tahun Satu yang mengandungi banyak kesalahan tatabahasa, kosa kata dan struktur ayat dan nyatakan langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui berlaku kesilapan atau kesalahan dalam buku teks Bahasa Inggeris Tahun Satu. KPM telah mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan satu pasukan penyiasat untuk mengenalpasti punca berlakunya kesalahan-kesalahan di dalam buku teks tersebut secara spesifik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kesilapan tersebut tidak berlaku lagi di masa hadapan, KPM telah menetapkan beberapa langkah, antaranya:

i. akan membuat penambahbaikan dengan mengetatkan lagi proses kerja dalam penerbitan; dan
ii. melantik Jawatankuasa Penilaian/Kawalan Mutu dan Jawatankuasa *Readers* yang terdiri daripada pakar-pakar yang berpengalaman mengikut mata pelajaran.

KPM berkeyakinan dengan langkah-langkah yang telah dan akan diambil serta penekanan terhadap prosedur proses kerja penerbitan yang telah ditetapkan akan dipatuhi oleh semua penerbit buku teks, akan dapat mengatasi kelemahan-kelemahan yang berlaku.

Rjm 14

SOALAN NO.:

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA Y.B. DR. TAN SENG GIAW

KAWASAN KEPONG

TARIKH 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN:

**Y.B. DR. TAN SENG GIAW (KEPONG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kos yang sebenarnya untuk MRR2, Kepong, tarikh dan bilangan kerja dan kos memperbaiki keretakan tiang dan

**JAWAPAN:**

syarikat yang menanggung kos ini. Apakah yang sebenarnya punca keretakan tiang-tiang jejambat ini.

**JAWAPAN:**
Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Pake] 11 dari persimpangan Selayang ke Kepong / Sri Damansara telah dilaksanakan secara Reka dan Bina oleh Konsortium SUKMIN - Bumi Highway - KKM JV dengan harga kontrak sebanyak RM238.8 juta. Projek ini telah dimulakan pada 27 Mei 1999 dan siap pada 15 Mei 2002. Walau bagaimanapun, masalah keretakan struktur jejambat telah dikesan pada tiang-tiang jejambat berkenaan pada bulan Jun 2004 dan ia terpaksa ditutup sementara kepada kenderaan berat bagi tujuan melaksanakan kerja- kerja pembaikan.

Sehubungan itu, Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 12 Ogos 2004 telah melantik pakar penasihat bebas dari United Kingdom, iaitu Halcrow Group Limited dari United Kingdom untuk menyediakan laporan mengenai cadangan kerja-kerja pembaikan jejambat berkenaan, iaitu melibatkan kos sebanyak RM7.52 juta. Bagi tujuan mereka bentuk dan mengawasi kerja-kerja pembaikan jejambat berkenaan pula, KKR pada 26 Ogos 2004 telah melantik juru perunding Leonhardt Andra 8t Partner dari Jerman, di mana kos yang terlibat ialah sebanyak RM7.0 juta.

Kerja-kerja pembaikan kerosakan jejambat tersebut telah

dilaksanakan oleh syarikat Bridgex Sdn. Bhd., Iaitu pihak ketiga yang dilantik oleh Kerajaan setelah kontraktor utama tidak dapat melaksanakan kerja-kerja pembaikan sebagaimana diarahkan oleh KKR. Kos kontrak keseluruhan bagi kerja-kerja pembaikan jejambat yang dilaksanakan oleh syarikat Bridgex Sdn. Bhd. itu ialah sebanyak RM53.29 juta. Skop kerja pembaikan melibatkan pengukuhan 26 rasuk silang jejambat dengan menggunakan tendon-tendon prategasan jenis ***Carbon Fibre Reinforced Polymer*** (CFRP) sebagaimana yang disyorkan oleh juru perunding Leonhardt Andra St Partner dari Jerman. Projek ini telah dimulakan pada 10 Mac 2006 dan siap keseluruhannya pada bulan November 2006.

Walau bagaimanapun pada bulan Ogos 2008, terdapat beberapa tendon perategasan CFRP yang digunakan bagi mengukuhkan rasuk silang jejambat di ***pier no.*** 28 telah mengalami kerosakan akibat dari tindak balas kimia. Sehubungan itu setelah kajian dibuat, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memutuskan untuk mengganti tendon-tendon prategasan jenis CFRP tersebut kepada tendon prategasan dari jenis keluli. Kerja-kerja pembaikan ***pier no.*** 28 telah dimulakan pada 5 Nov 2009 dan slap pada 12 Dis 2010. Kos bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut, termasuk pemasangan rangka pengikat dan jaring keselamatan di tiang-tiang jejambat yang Iain ialah sebanyak RM3 juta. Ia dilaksanakan oleh kontraktor yang sama, iaitu syarikat Bridgex Sdn. Bhd..

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tender untuk kerja- kerja baik pulih dan menggantikan tendon jenis CRPF kepada tendon jenis keluli bagi baki 25 tiang jejambat Iain akan ditawarkan kepada kontraktor yang berkelayakan dalam tempoh masa yang terdekat ini. Reka bentuk pembaikan ini akan dilaksanakan secara ***in-house*** oleh jurutera pakar dari ]KR tanpa melibatkan sebarang kos perunding. Anggaran kos pembaikan bagi 25 tiang jejambat berkenaan ialah sebanyak RM45 juta dan ia dijangka akan dapat disiapkan dalam tempoh 30 bulan.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah memfailkan kes tuntutan ganti rugi membaiki keseluruhan kerosakan jejambat MRR2 ini terhadap kontraktor utama di Mahkamah Tinggi. Sehubungan itu, maklumat mengenai punca keretakan sebenar jejambat MRR2 di Kepong ini tidak dapat diberikan kerana ia dianggap sebagai ***subjudice.*** Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah-langkah proaktif untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan jejambat berkenaan terlebih dahulu tanpa perlu menunggu keputusan kes dari mahkamah. Ini bagi memastikan tahap keselamatan pengguna di laluan tersebut diberikan keutamaan berbanding faktor tuntutan tersebut yang masih lagi sedang dalam status pengurusan kes oleh pihak mahkamah.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[ BANDAR TUN RAZAK ]

TARIKH : 14 MAC 2011 (ISNIN)

SOALAN

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [ Bandar Tun Razak ] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh rakyat bagi Program Transformasi Ekonomi dan dari manakah dana ini diperolehi serta adakah ia akan dibentangkan di Parlimen bagi memastikan ketelusan dalam perbelanjaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah sebuah program yang diterajui oleh sektor swasta dan kerajaan hanya memainkan peranan sebagai fasilitator.

Secara keseluruhan, pelaburan yang diperlukan sehingga tahun 2020 adalah sebanyak USD444 bilion atau RM1.4 trilion. Sebanyak 92% (USD410 bilion) daripada pelaburan itu datangnya daripada sektor swasta dan hanya 8& (USD 34 bilion) pelaburan daripada Kerajaan.

Sememangnya setiap perbelanjaan akan dibentangkan di Parlimen untuk kelulusan, dan semasa bajet 2011 dibentang, perkara ini sudahpun dimaklumkan kepada ahli- ahli Yang Berhormat. Sebanyak RM5.464 bilion diperuntukan untuk kos pembangunan dan RM0.356 bilion untuk kos pengurusan bagi 12 NKEA.

PEMBER1TAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
(BATU KAWAN)

TARIKH : 14.03.2011

SOALAN:

Y.B. DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY [ BATU KAWAN ] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah Kerajaan Barisan Nasional enggan menarik balik penggunaan novel Interlok dalam subjek Komponen Sastera, Bahasa Melayu Tingkatan 5, walaupun ia ditentang hebat oleh masyarakat India di Malaysia kerana menghina masyarakat India.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil tindakan sewajarnya berkaitan isu novel Interlok dalam Komponen Sastera Bahasa Melayu Tingkatan 5 bagi Zon 2 (Wilayafo*»Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan). Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu penal bebas yang telah ditubuhkan oleh Kementerian sedang

meneliti dan mengkaji kandungan novel tersebut dan pengumuman akan dibuat setelah kajian terhadap novel ini selesai.

Rjm15

DEWAN RAKYAT MALAYSIA PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI AB. HALIM BIN AB. RAHMAN

[PENGKALAN CHEPA]

TARIKH : 14 MAC 2011

SOALAN

Dato' Haji Ab. Halim Bin Ab. Rahman [ Pengkalan Chepa ] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan sejauh manakah kemajuan projek tambak menambak tebing Sungai Golok daripada Pekan Rantau Panjang ke Pengkalan Kubur bagi tujuan pencegahan banjir. Berapakah peruntukan yang telah dibelanja dan berapakah peruntukan yang diperlukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada dua (2) jenis projek yang berlainan yang dilaksanakan untuk Sg. Golok oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu, Rancangan Menstabil Tebing Sg. Golok dan Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok.

Sungai Golok merupakan sempadan antarabangsa. Kejadian hakisan tebing Sg Golok berikutan setiap kejadian banjir telah menyebabkan masalah penentuan jajaran sempadan tersebut. Masalah ini perlu ditangani kerana ia bukan sahaja meilbatkan kedudukan sempadan antarabangsa tetapi ia juga menyebabkan masalah hakisan tanah milik penduduk-penduduk di kawasan tersebut. Sehubungan dengan itu, pihak JPS telah melaksanakan beberapa projek di

bawah Rancangan Menstabil Tebing Sungai Golok secara berperingkat-peringkat bergantung kepada peruntukan. Dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RMKe-8), sebanyak RM 34 juta telah dibelanjakan untuk menstabil tebing Sungai Golok

sepanjang 20.71km. Projek ini telah dilaksanakan melalui 23 pakej yang berasingan. Dalam RMKe-9, sebanyak RM 40 juta lagi telah dibelanjakan untuk kerja-kerja perlindungan tebing sepanjang 20.71km yang dibuat ke atas 17 kawasan yang kritikal.

Sebanyak RM 100 juta diperlukan untuk pelaksanaan Rancangan Menstabil Tebing Sungai Golok terutama di 12 lagi kawasan yang kritikal melibatkan 46.10 km panjang sungai. Di bawah RMKe-10, sebanyak RM 20 juta diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan sedang menyediakan program tebatan banjir secara keseluruhan bagi mengatasi masalah banjir yang berlaku di Sungai Golok. Sehubungan dengan itu, pihak JPS telah merancang projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Golok yang dapat mengurangkan masalah banjir di Lembangan Sungai Golok. Sebahagian dari projek ini meliputi pembinaan komponen seperti pembinaan tembok banjir dan saluran banjir di Pekan Rantau Panjang serta pembinaan benteng banjir di sepanjang Sungai Golok.

Sekian, terima kasih.

No. Soalan:
PR-000-L41991

PEMBERITAHU PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARIPADA : Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah]

TARIKH : Isnin, 14 Mac 2011

SOALAN : Datuk Dr. Muhammad Leo Michael Toyad [Mukah] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah langkah

yang telah diambil ke atas kenyataan mengkritik Malaysia yang dikeluarkan oleh Malott, bekas duta Amerika Syarikat baru-baru ini.

Jawapan:

I uan Yang Di Pertua,

Kementerian Luar Negeri meialui Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, TYT Dato' Sri Dr. Jamaiudin Jarjis, teiah menghantar satu nota sangkal *(rebuttal)* ke atas artikel John Malott bertajuk *"Debating Race Relations in Malaysia".* Nota sangkal ini telah disiarkan pada 16 Februari 2011 dalam penerbitan media yang sama iaitu Asia Wall Street Journal.

Antara kandungan yang dimuatkan di dalam nota sangkal

tersebut termasuk penegasan pendirian Kerajaan Malaysia bahawa artikel yang ditulis oleh John Malott itu adalah tidak benar, tidak objektif dan dipengaruhi oleh pandangan peribadi beliau yang prejudis. Analisis beliau berkenaan keadaan ekonomi Malaysia pada masa ini juga tidak tepat dan tidak berasas. Artikel yang ditulis oleh John Mallot juga turut menyinggung perasaan rakyat Malaysia yang berbilang kaum secara keseluruhannya.